Salam Aidiladha 1443 H

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 7 - 13 JULAI 2022 www.selangorkini.my

Tekad selesai isu jalan raya secara terancang – MB

JARAK JALAN DISELENGGARA JABATAN KERJA RAYA (JKR) SELANGOR

JUMLAH KEROSAKAN JALAN YANG DIKESAN DAN DIBAIKI	2021	2022*
	17,453	11,733
Jalan berlubang	16,288	11,153
Lampu isyarat	433	250
Lampu jalan	615	280
Kerja pembaikan cerun/ baik pulih jalan/ pembaikan longkang/ baik pulih jambatan dan lain-lain	117	50

* sehingga Jun

JUMLAH KERJA-KERJA KECEMASAN MENGIKUT KATEGORI	2021	2022*
	217	120
Kemalangan	1	
Jambatan runtuh, pembentungan dan longkang	8	2
Hakisan tebing dan keretakan jalan	4	
Pokok tumbang	97	71
Mendapan jalan	16	21
Baik pulih peralatan jalan	1	2
Pelan pengurusan lalu lintas	67	16
Sampah haram	9	6
Tanah runtuh	14	2

* sehingga Jun

PENYELENGGARAAN jalan negeri menerusi konsesi yang berkebolehan membuktikan langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menangani isu infrastruktur jalan raya secara terancang, sistematik dan berkesan buat rakyat di Selangor.

Menjelaskan ikhtiar itu selaras dengan matlamat Negeri Pintar, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menekankan ia bukan saja meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat, bahkan ia membukti kesungguhan negeri mendepani kehendak semasa.

"Hasilnya, pengurusan jalan negeri menjadi lebih berkesan, menyeluruh dan berkonsep penyelesaian masa nyata (real-time solution)," katanya.

Melalui Kontrak Jangka Panjang (KJP) di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor yang melibatkan jarak 4,184.70 kilometer bagi kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri, sebanyak 29,523 kerosakan berjaya dikesan dan dibaiki sejak tahun 2021 sehingga Jun 2022 melibatkan kos RM131.37 juta.

Daripada jumlah itu, 27,441 kerosakan jalan melibatkan lopak dan lubang yang dikesan melalui pemantauan rutin yang dijalankan oleh konsesi dan juga melalui aduan orang awam di media sosial.

Bagi kerja-kerja kecemasan pula, sebanyak 337 kes melibatkan kegagalan cerun, pokok tumbang, pembaikan longkang, membaik pulih jambatan, tanah runtuh dan lain-lain berjaya diambil tindakan segera bagi memastikan keselamatan pengguna.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri mahu rakyat dan pengguna jalan raya menikmati manfaat dan boleh menjadi ikutan negeri-negeri lain di Malaysia.

SAY-Halal Street UK perkasa usahawan

SHAH ALAM - Selangor Youth Community (SAY) menjalin kerjasama dengan Halal Street United Kingdom bagi memperkasa usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terutama golongan belia.

Memorandum persefahaman (MoU) dimeterai di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom (UK) pada 29 Jun dengan disaksikan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, penaung SAY.

"MoU ini usaha dan inisiatif DYTM Tengku Amir Shah bagi memperkasa usahawan IKS terutama dalam kalangan belia untuk menembusi pasaran United Kingdom dan Eropah melalui platform Halal Street UK," menurut Selangor Royal Office.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom Zakri Jaafar dan Pesuruhjaya Perdagangan di London Megat Iskandar Ahmad Dassilah turut menyaksikan majlis itu.

Pemecut Selangor naik 36.4 peratus

SHAH ALAM - Permohonan syarikat pemula untuk menyertai Program Pemecut Selangor (SAP) menunjukkan peningkatan 36.4 peratus.

EXCO Industri dan Perdagangan Dato' Teng Chang Khim menjelaskan sebanyak 225 permohonan diterima berbanding 165 pada tahun lalu.

"Ini menunjukkan semakin banyak syarikat pemula bersemangat mahu mengembangkan perniagaan mereka menerusi bantuan dan bimbingan Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

"Banyak syarikat pemula yang ikuti program sudah berjaya. Saya percaya perkara ini tersebar membuatkan makin ramai mahu jadi peserta SAP," katanya pada 30 Jun.

MAKLUMAN: Akhbar edisi 14-20 Julai diedar mulai 15 Julai

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Jadi teladan agar kaum lain hormat

SHAH ALAM - Pemimpin Melayu yang gagal menunjukkan kepimpinan baik dan bertanggungjawab boleh menyebabkan kaum lain hilang hormat sekali gus tidak memberi sokongan padu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertitah mereka juga perlu bekerjasama dengan parti politik pelbagai kaum bagi menjamin pembangunan negara dan keselesaan hidup rakyat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah pembangunan dan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada kepimpinan stabil di samping tidak berbalah sesama sendiri.

"Andai kata pemimpin Melayu gagal menunjukkan kepimpinan baik dan bertanggungjawab, kaum lain akan hilang rasa hormat sekali gus tidak akan memberi sokongan padu," titah Baginda dalam kenyataan pada 4 Julai.

Baginda turut menitahkan pemimpin politik Melayu menghayati dialog filem Mat Kilau yang memaparkan perpecahan kaum mengakibatkan pihak luar mudah menguasai negara.

Sultan Sharafuddin bertitah karya tersebut bertepatan mesej betapa kekuatan sesebuah kaum terletak pada semangat perpaduan dan pegangan Islam yang utuh.

"Beta menggalakkan masyarakat terutama orang Melayu untuk menonton filem ini agar ia boleh dijadikan teladan dan pengajaran kepada kita semua.

"Sesebuah tamadun dan negara boleh runtuh seandainya kita tidak bersatu-padu dan bekerjasama dalam mempertahankannya," titah Sultan Selangor lagi.

Hasil lawatan ke Korea Selatan

Potensi pelaburan RM3 bilion

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

KLANG - Selangor berpeluang menerima pelaburan RM3 bilion bagi suku kedua tahun ini berdasarkan potensi pelaburan ketika lawatan ke Korea Selatan pada Jun.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata negeri bakal meraih RM6 bilion sekali gus mengatasi angka pada 2021 jika rancangan pelaburan itu berhasil.

"Potensinya lebih RM3 bilion tetapi itu cuma potensi. Kita harus menunggu keputusan akhir daripada pelabur yang berminat.

"Buat masa ini, kita berpuas hati dengan perkembangan tersebut. Bagi penggal pertama tahun ini, kita memperoleh RM3 bilion," katanya pada 1 Julai.

Chang Khim yakin sasaran negeri meraih potensi pelaburan sehingga RM28 bilion tahun ini mampu dicapai.

"Disebabkan Covid-19, pada 2021 kita memperoleh hanya RM7.5 bilion. Jika dibanding tahun-tahun sebelumnya, kita memperoleh lebih daripada angka itu.

"Antara 2018 hingga 2020 setiap tiga tahun ini kita peroleh lebih RM17 bilion tetapi disebabkan pandemik jumlahnya menurun," katanya.

Bulan lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama Chang Khim mengunjungi Korea Selatan dalam misi pelaburan negeri selepas terhenti hampir dua tahun.

KDNK tertinggi RM343.5 bilion

KUALA SELANGOR - Prestasi sektor pembuatan dan perkhidmatan sepanjang perintah kawalan membantu Selangor memacu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun lalu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kedua-dua sektor itu memacu pencapaian ekonomi negeri hingga menyumbang hampir 25 peratus nilai KDNK negara.

"Sektor perkhidmatan penting untuk menyambung kehidupan. Ekonomi negeri disumbang 60 peratus dari sektor ini manakala pembuatan 30 peratus.

"Kita pacu KDNK dari 24.3 peratus kepada 24.8 peratus. Hampir 25 peratus iaitu satu perempat daripada keseluruhan ekonomi negara," katanya dalam program Jelajah Selangor Penyayang di Stadium Utama Kuala Selangor pada 2 Julai.

Pada 30 Jun, Jabatan Perangkaan Malaysia memaklumkan Selangor kekal negeri penyumbang terbesar KDNK negara tahun lalu dengan nilai RM343.5 bilion, meningkat RM16.4 bilion berbanding RM327.1 bilion pada 2020.

Prestasi tersebut menyaksikan Selangor kembali pulih tahun lalu apabila merekod pertumbuhan 5.0 peratus berbanding negatif 5.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Selangor mendahului lima negeri lain iaitu Kuala Lumpur, Sarawak, Johor, Pulau Pinang dan Sabah yang menyumbang 72.2 peratus kepada KDNK negara.

Rancangan negeri dibentang Julai

KLANG - Perancangan lima tahun negeri termasuk pembangunan untuk rakyat akan dibentang dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada hujung Julai.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata persidangan itu penting kerana ia melibatkan perancangan yang memberi dampak kepada semua termasuk penduduk negeri.

"Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari akan bentang perancangan pembangunan yang lebih rancak dan teratur.

"Kandungannya menarik iaitu beliau akan bentang kawasan pembangunan baharu termasuk projek bertaraf antarabangsa," katanya pada 1 Julai.

Mesyuarat kedua penggal kelima DNS yang ke-14 dijadual berlangsung antara 25 Julai hingga 5 Ogos.

Pada 8 Mei, Amirudin berkata Rancangan Selangor Satu adalah pelan komprehensif lima tahun yang dirangka bagi menjayakan agenda sosio-ekonomi rakyat berasaskan kerajaan penyayang dan berwibawa.

Amirudin (dua, kiri) bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Haris Kasim (tiga, kanan) menunjukkan Penjanjian Sempadan Darat antara Selangor dan Negeri Sembilan yang ditandatangani sambil disaksikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tengah) dan EXCO Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan, Datuk Ismail Ahmad (tiga, kiri) di Sepang pada 4 Julai. Foto HAFIZ OTHMAN

Anjur 10 program utama

RM67 juta tingkat kesihatan rakyat

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KUALA SELANGOR - Sekitar RM67 juta diperuntuk dalam kluster kesihatan Iltizam Selangor Penyayang (ISP) bagi menyediakan perkhidmatan kepada penduduk negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu merangkumi penganjuran 10 program utama iaitu Iltizam Selangor Sihat, Skim Rawatan Jantung, Bantuan Sihat Selangor dan Saring Selangor.

Selain itu, Saringan Barah, Nutrisi Makanan Kanak-kanak, Cakna Kesihatan Mental, Rawatan Tuberculosis, Pemeriksaan Kesihatan Mata dan Skim Kesihatan Wanita.

"Dari semasa ke semasa, kita tingkatkan lagi program kesihatan terutama Peduli Sihat. Kita pertimbang untuk lebarkan manfaatnya. Jika perlu, kita tambah perlindungan insurans.

"Sebenarnya, kualiti kesihatan di Selangor semakin meningkat. Pada 2008, kadar jangka hayat antara 68 hingga 69 tahun tapi selepas ada kesedaran kesihatan meningkat ke 75 tahun pada 2019," katanya dalam program Jelajah Selangor Penyayang pada 2 Julai.

Peruntukan RM600 juta disedia bagi menjayakan ISP yang menggantikan Inisiatif Peduli Rakyat supaya lebih ramai penduduk memperoleh manfaat.

Sebelum ini, Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas) yang menggantikan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dilancarkan sekali gus memanfaatkan 30,000 keluarga.

Program seterusnya dijadual berlangsung di Dataran Boulevard, Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (23 Julai) seterusnya di Padang Awam Batu Caves, Gombak (31 Julai).

Perkenal 11 inisiatif baharu

KUALA SELANGOR - Program Iltizam Selangor Penyayang (ISP) yang dilancarkan bulan lalu meliputi 11 inisiatif baharu bagi menambah baik kualiti hidup rakyat negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penambahan itu menjadikan keseluruhan 44 program ditawar kepada penduduk untuk kelestarian dan pembangunan kehidupan.

Antara inisiatif diperkenal ialah program kesihatan percuma Selangor Saring, Iltizam Anak Penyayang, Saringan Barah dan Selangor Mental Sihat.

"Kita bermula tujuh program pada 2008 dengan tema Merakyatkan Ekonomi Negeri. Kemudian pada 2017, kita lancarkan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) merangkumi 43 program kebajikan.

"Pada 2019, kita selaraskan 33 bantuan dengan aspek pemerkasaan. ISP kali ini kita tambah lagi 11, jadi ada 44 program ditawar kepada rakyat dengan belanja lebih RM600 juta," katanya pada 2 Julai.

Berucap pada program Jelajah Selangor Penyayang di Stadium Utama Kuala Selangor, Amirudin berkata prinsip negeri prihatin, peduli rakyat dan menyayangi warganya mendorong IPR disusun semula kepada ISP.

"Kita bukan setakat hendak bantu tetapi mahu menyayangi masyarakat dengan menyeluruh dan laksanakan program yang menjamin kehidupan mereka.

"Bukan sekadar bagi duit untuk mengubati batuk, luka dan apa-apa penyakit tetapi kita mahu tingkat status kehidupan rakyat," katanya.

Perjanjian mudahkan pembangunan

SEPANG - Pemeteraian Penjanjian Sempadan Darat antara Selangor dan Negeri Sembilan memudahkan pembangunan di kedua-dua negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jajaran darat yang siap ditanda dan diukur dengan jarak sepanjang 111.9 kilometer bakal memberi limpahan ekonomi kepada rakyat pada masa akan datang.

"Insya-Allah dalam masa beberapa hari lagi, Selangor akan membentangkan Rancangan Selangor satu di mana ia akan melakar beberapa kaedah pembangunan dan perancangan kita.

"Pengesahan sempadan ini sedikit sebanyak dapat membantu perancangan yang jitu, tepat dan betul untuk pembangunan yang menyeluruh," katanya pada 4 Julai.

Kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat antara kedua-dua negeri bermula 5 Mei 2016 dan siap sepenuhnya pada 17 Mac 2018.

Ukur sempadan KL, Selangor dan Perak

SEPANG - Proses pengukuran sempadan antara Selangor, Kuala Lumpur dan Perak sedang dijalankan bagi memuktamadkan jajaran pemisah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata proses itu masih pada peringkat awal dan melibatkan sempadan darat.

"Dengan Kuala Lumpur kita sudah tandatangani memorandum persefahaman (MoU) pertama dan kita ikuti dengan pengukuran pada MoU kedua dan ketiga.

"Untuk Perak, kita telah siapkan dan hanya tunggu maklum balas daripada sahabat kita yang mungkin ada beberapa penelitian yang perlu dibuat," katanya pada 4 Julai.

Tambah acara SIBS tahun hadapan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berhasrat menambah satu lagi acara dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) pada masa akan datang.

EXCO perdagangan dan perindustrian berkata pihaknya melihat bidang elektrik dan elektronik sebagai cabang baharu berikutan terdapat permintaan dari beberapa negara.

"Di dalam 'Selangor Industrial Master Plan' elektrikal dan elektronik adalah salah satu sektor yang kita ingin beri tumpuan. Namun fokus kita sekarang ini kepada beberapa sektor lain seperti makanan dan minuman.

"Kita berharap pada masa akan datang kita dapat mengetengahkan elektrikal dan elektronik. Kita perlu lakukan secara satu persatu dengan fokus kepada enam acara lain di dalam SIBS terlebih dulu," kata Dato' Teng Chang Khim selepas melancarkan SIBS 2022 di Hotel Saujana Kuala Lumpur di sini pada 5 Julai.

Wanita perlu amal gaya hidup sihat

KUALA SELANGOR - Golongan wanita perlu mengamal gaya hidup sihat dengan menjaga pemakanan, kata yang dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis).

Datin Seri Masdiana Muhamad mengingatkan makanan berkhasiat permulaan untuk mendapatkan tahap kesihatan yang baik.

"Kurangkan pengambilan makanan dan minuman manis sebaliknya banyakkan makan sayur-sayuran, buah-buahan, ulam dan protein di samping makan ikut waktu.

"Sebagai seorang wanita, isteri dan ibu, perlu mulakan amalan itu supaya lama-kelamaan menjadi ikutan ahli keluarga," katanya dalam program Bual Bicara dan Hi-Tea Puspanita daerah Kuala Selangor bersama Pekawanis pada 2 Julai.

Berkongsi pengalaman sering mengisi masa terluang dengan riadah, Masdiana berkata itu antara aktiviti 'keluar peluh' beliau bersama keluarga.

"Kita mulakan bersenam sekurang-kurangnya setengah jam sehari kemudian lama-kelamaan cuba tingkatkan kepada sejam, dua jam sehari sehingga menjadi tabiat."

Lapor segera harga barang naik

SHAH ALAM - Pengguna diminta membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor jika mengesan kenaikan harga barang melampau.

EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni menjelaskan aduan sedemikian boleh disalur menerusi e-mel, mesej, WhatsApp dan media sosial.

"KPDNHEP Selangor sentiasa pantau setiap daerah dengan turun ke kawasan yang mendapat aduan," katanya pada 4 Julai.

Beliau turut menasihati peniaga supaya tidak mengambil untung berlebihan hingga membebankan rakyat dalam situasi ekonomi mencabar ketika ini.

Mereka yang ada maklumat salah laku sedemikian boleh menyalurkannya kepada KPDNHEP Selangor melalui WhatsApp 019-279 4317 atau 019-848 8000.

Aduan juga boleh dibuat dengan melayari portal e-aduan.kpdnhep.gov.my atau hubungi pusat kawalan 1-800-886-800 atau kirim e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my atau Ez ADU KPDNHEP.

Negeri tidak muflis bantu rakyat

KUALA SELANGOR - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan Selangor tidak akan muflis meskipun pelbagai inisiatif diperkenal untuk rakyat.

Beliau berkata pentadbiran yang berwibawa dan telus membantu negeri menjana pendapatan melebihi sasaran sekalipun banyak bantuan dihulur kepada orang ramai.

"Sejak dulu kita selalu dituduh Umno Barisan Nasional akan bankrapkan negeri. Buat itu bankrap, bagi Jom Shopping bankrap, bagi lembu korban bankrap.

"Kita buktikan dengan pentadbiran telus, bertanggungjawab, berintegriti. Mahu semak, mahu siasat silakan. Tiada kekangan," katanya dalam program Jelajah Harapan Selangor di Padang Kampung Permatang, Tanjung Karang di sini pada 2 Julai.

Pada 19 Jun, Amirudin berkata rizab kewangan negeri berada pada tahap selesa iaitu lebih RM3 bilion meski Selangor berdepan wabak Covid-19 dan banjir besar.

Manfaat kepada 1,613 individu

Insentif RM1.3 juta untuk projek tani

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA SELANGOR - Insentif berjumlah RM1.3 juta disediakan bagi menjayakan projek pembangunan tanaman, teknologi fertigasi dan hiliran pertanian.

EXCO Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Ir Izham Hashim berkata peruntukan itu disalur kepada enam individu yang mewakili 1,613 warga tani dan usahawan mengikut kelompok masing-masing.

"Nilai insentif berbeza mengikut kelompok. Peruntukan tanaman fertigasi mungkin lebih RM20,000 kerana memerlukan peralatan moden untuk pengairan.

"Jadi, kita panggil enam daripada mereka yang terlibat dalam projek tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, padi, fertigasi, kelapa dan makanan proses untuk menerima insentif," katanya pada 2 Julai.

Terdahulu, Ir Izham menyerahkan cek cura insentif itu sempena program Jelajah Selangor Penyayang di Stadium Tertutup Kuala Selangor di sini pada 2 Julai.

Beliau berkata agihan insentif tersebut dibuat berterusan bagi memperkasa golongan petani seterusnya meningkatkan kualiti hasil perusahaan masing-masing.

"Kita perlu perkasakan warga petani dan usahawan ini supaya mereka boleh memproses banyak produk berkualiti," katanya lagi.

Lega anak dapat makanan sihat

KUALA SELANGOR - Penerima pek makanan berkhasiat menjangka bantuan Anak Selangor Anak Sihat (Asas) membantu tumbesaran anak yang perlahan berbanding kanak-kanak lain.

Penduduk Kampung Api-Api di sini, Araika Ismaruhina Ismail, 26, berharap pek itu membantu anaknya Aireen Miqayna Mohammad Mahatdir berusia tiga tahun yang berat badan hanya sembilan kilogram (kg).

Beliau bimbang perkembangan fizikal anak ketiga daripada empat beradik itu tidak seperti kanak-kanak lain meskipun ada selera makan selain mengambil vitamin.



"Beberapa kali saya jumpa pakar makanan tetapi tiada perubahan. Jadi, saya harap makanan berkhasiat ini dapat menaikkan lagi berat badan dia," katanya.

Salmiah Mohd Zaimi, 37, dari Kampung Assam Jawa di sini pula berkata anak tunggalnya Nawalia Tzulfa Khairul Zul Azizi tidak mengalami masalah bantut sebaliknya berat badan meningkat seiring usia yang kini menginjak empat tahun.

"Sejak lahir lagi memang saya beri dia makan makanan berkhasiat. Sepanjang tempoh berkenaan boleh nampak perkembangan fizikalnya berdasarkan graf berat untuk umur.

"Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sediakan kit ini sekali gus menjimatkan kos RM400 sebulan. Kalau di luar harganya tentu mahal," katanya pada 2 Julai.

WAKTU SOLAT

7 - 13 JULAI 2022
7 - 13 ZULHUAH 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Khamis	5:46	5:56	7:07	1:21	4:46	7:30	8:45
08 Jumaat	5:46	5:56	7:07	1:21	4:46	7:30	8:45
09 Sabtu	5:46	5:56	7:07	1:21	4:46	7:30	8:45
10 Ahad	5:47	5:57	7:07	1:21	4:46	7:30	8:45
11 Isnin	5:47	5:57	7:07	1:22	4:46	7:30	8:45
12 Selasa	5:47	5:57	7:08	1:22	4:46	7:30	8:45
13 Rabu	5:47	5:57	7:08	1:22	4:46	7:30	8:45

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:47	5:57	7:09	1:22	4:47	7:30	8:45
5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:48	5:58	7:11	1:22	4:47	7:30	8:45

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:47	5:57	7:10	1:23	4:48	7:32	8:47
5:47	5:57	7:10	1:23	4:49	7:32	8:47
5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:32	8:47
5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:47
5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48
5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48
5:49	5:59	7:11	1:24	4:49	7:33	8:48

LARIS... Orang ramai menyerbu jualan murah barangan asas anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sempena Aidiladha di tapak bazar Ramadan Taman Perwira, Kuala Langat pada 5 Julai. Foto REMY ARIFIN

Cegah masalah bantut

Makanan berkhasiat untuk kanak-kanak

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Pek makanan berkhasiat akan diagih kepada 720 kanak-kanak menerusi program Anak Selangor Anak Sihat (Asas), kata ahli Majlis Penasihat Kesihatan Awam Selangor.

Dr Mohammad Farhan Rusli berkata pek sedemikian disalur selama lima bulan berturut-turut kepada kanak-kanak berusia satu hingga enam tahun yang layak.

"Program ini mula dilaksanakan sejak tahun lalu. Alhamdulillah ia mendapat sambutan memberangsangkan. Kemudian kita putuskan untuk teruskan tahun ini.

"Sejumlah RM1 juta diperuntuk bagi menangani masalah berat badan dan ketinggian selain jaminan makanan kepada kanak-kanak berkenaan," katanya pada 28 Jun.

Beliau berkata tiga daripada 10 kanak-kanak di Malaysia berdepan masalah bantut berdasarkan data peringkat kebangsaan yang memerlukan pencegahan segera.

"Justeru, kita adakan saringan dan sesi rundingan untuk kenal pasti kanak-kanak yang ada masalah ini. Jika layak, mereka boleh terima pek berkenaan," katanya.

Menerusi Asas, kanak-kanak yang layak menerima pek makanan antaranya susu tepung penuh krim, biskut, bijirin dan multivitamin bagi membantu penyerapan kalsium serta menguatkan tulang.

Tampung kos rawatan dialisis

KUALA SELANGOR - Seorang ibu tunggal bersyukur berikutan anaknya yang menghidap penyakit scoliosis iaitu sakit tulang belakang menerima Bantuan Sihat Selangor.

Azizah Hamid, 45, berkata bantuan itu dapat meringankan beban untuk membeli peralatan sokongan buat anak bongsunya Ross Syazwina Rossapizal berusia 14 tahun.

"Syukur sangat dapat bantuan RM2,500 setahun. Sekurang-kurangnya meringankan beban untuk membeli bantuan peralatan sokongan (pendakap badan) buat anak.

"Setiap bulan hampir RM1,000 kos rawatan, ubatan dan perjalanan pergi-balik ke hospital. Terima kasih Kerajaan Negeri," katanya pada 3 Julai.

G Latchimie, 28, yang mewakili bapa K Murugan, 52, untuk menerima bantuan sama mengakui sumbangan RM2,000 itu membantu menampung kos rawatan dialisis.



"Ayah hidap sakit buah pinggang sejak 2017. Memang setiap tahun terima Bantuan Sihat Selangor. Ia sedikit sebanyak meringankan beban kami sekeluarga.

"Cuma, saya juga berharap jumlah bantuan dipertingkat kerana kos rawatan semakin lama semakin meningkat," kata anak tunggal itu.

100,000 penerima Selangor Sihat

KUALA SELANGOR - Seramai 100,000 penduduk dijangka memperoleh manfaat menerusi program Iltizam Selangor Sihat (ISS) yang diperkenal mulai 2 Julai.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penerima bakal menerima bantuan rawatan asas sehingga RM500, perlindungan insurans sehingga RM5,000 dan khairat kematian RM1,000.

"Selain rawatan dan perubatan, Kerajaan Negeri turut menawarkan vaksinasi bagi memastikan lebih ramai rakyat Selangor mendapat perlindungan," katanya.

Beliau juga menjelaskan ISS adalah program perlindungan kesihatan rakyat yang ditambah baik menggantikan skim insurans sedia ada.

Tambah dana rawatan kesihatan

KUALA SELANGOR - Peruntukan untuk sektor kesihatan perlu dipertingkat bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam aspek teknologi kaedah rawatan.

Ahli Majlis Penasihat Kesihatan Awam Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad kesal kerana hanya dua peratus daripada hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) disalur untuk bidang tersebut.

"Kita wajar membelanjakan tidak kurang lima peratus dari KDNK dalam sektor kesihatan, tuan-tuan tahu sekarang kita belanja berapa? Kurang dua peratus.

"Pada 2019, saya minta kerajaan Pakatan Harapan empat atau lima peratus untuk sektor kesihatan kerana kepentingan ini," kata bekas menteri kesihatan pada 2 Julai.

Dzulkefly menambah Malaysia diiktiraf Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memiliki sektor kesihatan terbaik dalam tempoh 30 tahun tetapi kecemerlangan itu terhenti sejak 2000.

Saringan percuma menggalakkan

SHAH ALAM - Lebih 300 penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Balakong menjalani pemeriksaan kesihatan percuma di Gelanggang Bola Keranjang Batu 11 Cheras pada 3 Julai.

Wakil rakyatnya Wong Siew Ki berkata sambutan amat menggalakkan termasuk kalangan yang datang secara jumpa terus (walk-in) setakat jam 3 petang.

"Kebanyakan mereka yang hadir berusia 50 tahun ke atas dan masing-masing tidak mahu melepaskan peluang menikmati manfaat disediakan Kerajaan Negeri.

"Setakat 2 Julai yang berdaftar di aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) melebihi 400 individu. Mereka yang sudah berdaftar boleh lagi hadir kerana masih ada ruang untuk mereka melakukan saringan," katanya.

Hampir 2,000 individu dapat kerja

SHAH ALAM - Seramai 1,996 individu berjaya mendapat pekerjaan menerusi program Selangor Mega Job Fair 2022 yang berlangsung pada 11 dan 12 Jun lalu.

EXCO Pembangunan Modal Insan Mohd Khairuddin Othman berkata seramai 3,601 individu pula dipanggil menghadiri temu duga kali kedua oleh majikan setakat 6 Julai.

"Kerajaan Selangor berjaya melaksanakan program Selangor Mega Job Fair 2022 pada 11 dan 12 Jun 2022 lalu bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam.

"Program yang dijalankan selama dua hari itu telah menerima kehadiran seramai 8,201 individu," katanya.

Selangor Mega Job Fair 2022 kali pertama berlangsung itu disertai lebih 100 syarikat termasuk badan kerajaan dan agensi Kerajaan Negeri.

PKNS bina asrama pekerja asing

HULU LANGAT - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedia membina lebih banyak asrama untuk warga asing yang bekerja di negeri ini secara sah.

Pengurus Besar Kanan Pentadbiran Saharom Mohni berkata usaha itu bagi menampung peningkatan pola penghijrahan mereka susulan pembukaan semula sempadan negara.

"Kita akan bekerjasama dengan kontraktor untuk menyediakan asrama yang lebih selesa. Kali ini, kita mahu mereka tinggal di tempat ditetapkan.

"Tidak ekonomik jika mereka tinggal di asrama yang jauh daripada tempat kerja sehingga mengambil masa 45 minit untuk sampai," katanya pada 29 Jun.

Tambah dana rumah ibadat

KLANG - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberi jaminan peruntukan rumah ibadat masyarakat India di negeri ini ditambah pada tahun depan.

Beliau menjelaskan Selangor merintis dana untuk rumah ibadat bukan Islam sejak 2008 tetapi semakan menunjukkan negeri lain mula mengatasi peruntukan tersebut.

"Dengan itu, saya jamin Belanjawan Selangor 2023 kita akan tingkatkan (peruntukan) rumah ibadat masyarakat India. Paling tidak, hampir sama dengan masyarakat lain," katanya dalam program bersama masyarakat India pada 3 Julai.

Sejak Pakatan Harapan (HARAPAN) memerintah pada 2008, peruntukan rumah ibadat bukan Islam berjumlah RM3 juta setahun sebelum bertambah kepada RM6 juta enam tahun kemudian.

Tingkat keselesaan belajar

Ganti kerusi, meja uzur di kelas

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KUALA SELANGOR - Pengurusan sekolah menyifatkan bantuan membaik pulih prasarana yang disediakan Kerajaan Negeri meningkatkan tahap keselesaan guru dan pelajar.

Ketua guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) Integrasi Nurul Huda Parit Mahang di sini Sorayah Mohd Som berkata dana RM40,000 dimanfaat untuk membaiki premis yang dilanda banjir tahun lalu.

"Kami bercadang untuk menggantikan pintu dan beberapa peralatan yang rosak disebabkan banjir demi keselesaan pelajar dan guru.

"Terima kasih atas sumbangan ini. Nilainya cukup besar dan membantu untuk baik pulih Kafa ini demi keselesaan 509 pelajar," katanya.

Guru Maahad Tahfiz Ar-Ruqaiyah Khairul Anuar Arifin pula berkata bantuan itu akan dibelanjakan untuk menggantikan peralatan yang uzur seperti meja dan kerusi.

"Hampir setiap tahun madrasah kami menerima bantuan. Insya-Allah, bantuan ini akan dimanfaat sebaik-baiknya demi keselesaan lebih 20 pelajar," katanya.

Mereka antara wakil penerima Bantuan Sekolah yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam program Jelajah Selangor Penyayang di Stadium Utama Kuala Selangor pada 2 Julai.

Program Bantuan Sekolah antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi menambah baik prasarana sekolah kerajaan dan swasta yang boleh dimohon secara dalam talian.

Sebelum ini, permohonan dibuka kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mubaligh, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Agama Rakyat/Sekolah Rendah Agama Integrasi.

Guna insurans baiki rumah pusaka

KUALA SELANGOR - Waris peserta Skim Insurans Peduli Sihat bersyukur apabila memperoleh tuntutan perlindungan insurans dan khairat kematian berjumlah RM6,000.

Shahrul Izuan Othman, 37, dari Kampung Bukit Cherakah di sini berkata bantuan itu digunakan untuk membaik pulih rumah pusaka bapa Othman Moin, 89, ekoran banjir akhir tahun lalu.

"Bapa meninggal November tahun lalu akibat Covid-19 di Hospital Sungai Buloh. Sebulan kemudian, saya buat tuntutan di pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati.

"Hari ini (2 Julai) saya dipanggil untuk terima bantuan," katanya merujuk inisiatif yang dijenamakan semula sebagai sebagai Iltizam Selangor Sihat dalam program Jelajah Selangor Penyayang pada 2 Julai.

S Saraswathy, 27, pula berkata keluarganya gembira tuntutan tersebut diluluskan berikutan kematian mendiang datuknya R Nadesan, 94, akibat sakit tua pada Mei tahun lalu.

Katanya, bantuan berkenaan boleh dimanfaatkan neneknya S Parvathy, 73, yang tinggal bersendirian di Kampung Sungai Besar di sini untuk kegunaan harian.

"Sepatutnya tuntutan perlu dibuat sejurus datuk meninggal tetapi saya tidak tahu sehinggalah dimaklumkan seorang wakil pusat khidmat masyarakat," kata beliau.

"Saya bantu nenek mohon dua bulan lepas sebelum dihubungi untuk terima bantuan. Kerana saya tinggal di Johor Bahru, saya pulang ke sini bawa nenek," katanya.

Bantu penjawat awam ketika sakit



KUALA SELANGOR - Inisiatif Peduli Sihat membantu meringankan beban penjawat awam yang kurang berkemampuan tetapi menghidap penyakit kronik dan memerlukan rawatan.

Rabiatul Adawiyah Abdul Rahaman, 34, yang bertugas di Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor menganggap bantuan tersebut penting apabila berlaku kecemasan.

"Setakat ini, saya belum guna bantuan ini meskipun setiap tahun diperbaharui. Kita tidak tahu bila sakit atau meninggal dunia. Sekurang-kurangnya, bantuan sebegini boleh dimanfaatkan apabila memerlukan," katanya.

Beliau antara lima penerima Peduli Sihat Penjawat Awam yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sempena program Jelajah Selangor Penyayang di Stadium Utama Kuala Selangor pada 2 Julai.

Rosman Sayan, 51, pula bersyukur terpilih sebagai penerima berikutan bantuan itu mengurangkan beban kewangan penjawat awam bergred rendah iaitu Gred 44 ke bawah.

"Namun, saya berharap ia diperluas kepada semua jenis penyakit. Tidak hanya tertumpu kepada penyakit kronik," katanya lagi.

Peduli Sihat Penjawat Awam khusus untuk kakitangan Gred 44 dan ke bawah dengan had rawatan sehingga RM10,000 setahun, faedah kematian akibat kemalangan atau semulajadi (RM10,000) dan kecacatan kekal (RM10,000).

Terdahulu, mereka antara lima penerima Peduli Sihat Penjawat Awam sempena Jelajah Selangor Penyayang di sini.

Beban kos rawatan 12 tahun berakhir

Pesakit jantung dapat RM50,000

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA SELANGOR - Pesakit jantung yang kesempitan wang bagi membiayai kos rawatan sejak 12 tahun lalu dibantu Kerajaan Selangor menerusi Skim Rawatan Jantung berjumlah RM50,000.

Pemandu lori P Murugan, 64, dari Taman Bendahara di sini lega berikutan masalah kewangan sepanjang menghidap penyakit kronik itu mendapat perhatian.

Bapa lima anak mengakui terpaksa meraih simpati rakan dan saudara-mara bagi melunaskan kos pembedahan pada 2010, 2016 dan 2019 yang mencecah hampir RM48,000.

"Rasa lega dan bersyukur sebaik dikhabarkan nama saya tersenarai sebagai penerima. Sebenarnya skim ini dimohon dari tahun lepas sebelum mendapat kelulusan.

"Tanpa bantuan ini, sukar untuk buat rawatan dan ambil ubat-ubatan di hospital. Lagipun gaji pemandu lori tidak cukup untuk tampung kos yang agak tinggi," katanya yang menerima skim bantuan berkenaan pada 2 Julai.

Muhammad Fazmee Shah, 32, pula memohon bantuan tersebut sebagai persediaan jangka panjang berikutan penyakit buah pinggang dihidapinya sejak dua tahun lalu berisiko kepada jantung.

Bapa tiga anak yang turut bekerja sebagai pemandu lori bersyukur kerana Kerajaan Negeri mempertimbangkan permohonan itu seterusnya mampu mengelak sebarang kemungkinan.

"Saya jalani rawatan dialisis tiga kali seminggu. Alhamdulillah, keadaan kembali normal, cuma yang pasti ia akan merebak ke jantung sedikit demi sedikit.

"Sebab itu saya mohon skim ini dan saya tidak sangka diluluskan. Pembiayaan ini akan digunakan sebaik menerima rawatan jantung di hospital," kata pemandu lori itu.

Sebelum ini, EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud memaklumkan seramai 257 pesakit mendapat manfaat itu sejak dilancarkan pada 2018 membabitkan kos RM4.03 juta.

Skim itu terbuka kepada warganegara Malaysia yang lahir di Selangor atau menetap di negeri ini melebihi 10 tahun dan mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih RM8,000 sebulan.

Kurang maklumat sukar agihan

SHAH ALAM - Alamat penerima yang tidak lengkap dan nombor telefon kurang tepat antara punca agihan Bantuan Selangor Bangkit gagal diserah kepada penerima.

Pegawai Daerah Klang Shahman Jalaludin berkata masalah itu dikesan ketika pegawai Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang mengunjungi alamat dalam borang permohonan.

"Kita ada pergi cari penerima sebelum 30 April tetapi gagal kerana alamat tidak lengkap manakala nombor telefon tidak tepat menyebabkan kita gagal kesan mereka.

"Namun, ada yang kita temui tiada di rumah dan bantuan diserah kepada wakil. Secara keseluruhan, kurang 1,000 penerima tidak ambil bantuan," katanya pada 30 Jun.

Beliau juga menjelaskan hampir 66,000 penerima telah menerima bantuan itu sejak Disember tahun lalu.

Baru-baru ini, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning V Ganabatirau memaklumkan ratusan mangsa banjir belum menuntut bantuan RM1,000 walau layak menerima manfaat itu.

Pengeluaran hasil makanan ditingkat

KUALA LANGAT - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memperbanyak pengeluaran produk bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan asas di negeri ini.

Pengurus kanan pemasarannya berkata inisiatif dengan kerjasama syarikat pengeluar ayam, daging dan minyak masak membantu rakyat yang kini terbeban dengan kenaikan harga barangan di pasaran.

"Kita memiliki ladang ayam, lembu dan kelapa sawit, jadi tindakan proaktif diambil dengan mengeluarkan produk asas sendiri berikutan harga barangan semakin naik.

"Sebab itu kita bekerjasama dengan syarikat pengeluar dan mereka boleh bekalkan terus produk kepada PKPS. Paling penting ia tidak akan melibatkan orang tengah," kata Md Fazir Abdul Latif pada 5 Julai.

Beliau berkata rakyat Selangor tidak perlu bimbang kerana produk dihasilkan akan dipasarkan lebih murah melalui Program Intervensi Ehsan.

Susur destinasi unik Hulu Langat

SHAH ALAM - Tourism Selangor julung kalinya menganjurkan 'Pusing Selangor Dulu' Travel Hunt 2022 edisi Hulu Langat pada 25 Jun lalu.

Acara disertai 280 peserta merangkumi 70 pasukan berkereta bermula dari Kompleks PKNS Bandar Baru Bangi ke lokasi pelancongan menarik di Hulu Langat.

Antara tempat yang dikunjungi antaranya Agro Goat Farm Sungai Kantan, Pasar Sari Pekan Beranang, Lady Bird Organic Farm Semenyih, Kampung Orang Asli Donglai Baru dan Sate Rono.

"Dengan tema 'Pusing Selangor Dulu', acara ini bertujuan menyokong dan menggalakkan penganjuran acara pelancongan negeri ini khususnya di setiap daerah," menurut agensi dalam kenyataan.

Platform artis muda tonjol bakat seni

SHAH ALAM - Pameran Sembuh di Hab Media Kreatif Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini menjadi medan terbaik pengkarya muda menonjolkan seni rupa masing-masing buat pertama kali.

Pengarah Galeri Shah Alam berkata hasil kerjasama institusi terbabit berjaya menghimpunkan 45 karya catan, arca dan media baharu anak muda berusia enam hingga 30 tahun dari seluruh negara.

"Kita membuat panggilan terbuka kepada perupa muda dengan harapan supaya selepas ini mereka tidak rasa takut lagi untuk cuba mengetengahkan karya ke pameran lebih besar," kata Alina Abdullah pada 6 Julai.

Pameran bertemakan Bangkit Dalam Segala disempurnakan Pengarah Urusan Galeri G13 Kenny Teng di Bangunan Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Bicara eksklusif bersama Anwar

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin perpaduan parti terus kukuh meskipun pemilihan pimpinan baru-baru ini melibatkan audit forensik.

Ketua pembangkang itu mengupas pelbagai topik semasa antaranya kenaikan harga barangan, kerjasama pembangkang dalam pilihan raya umum dan Rang Undang-undang Antilompat parti.

Dalam wawancara eksklusif, presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) juga menyentuh kepentingan Kongres Nasional Tahunan KEADILAN ke-16 selain mengulas pentadbiran 22 bulan pemerintahan Pakatan Harapan.

Menerusi edisi 14-20 Julai, ketua pembangkang itu melahirkan keyakinan terhadap perpaduan parti meskipun pemilihan pemimpin baru selesai dijalankan termasuk penggunaan audit forensik.

Dalam sisipan Pancawarna, Anwar juga melontar kritikan dalam isu kenaikan harga barangan selain memberi pandangan bagi menyelesaikan masalah tersebut berdasarkan pengalamannya sebagai bekas menteri kewangan.

Turut menekankan kepentingan Rang Undang-undang Anti Lompat Parti bagi memastikan kestabilan politik negara, beliau juga memberi bayangan kerjasama parti pembangkang dalam pilihan raya umum.

Kisah pemain cilik Qaseh Rania Khairul Najib berusia 12 yang mencuri tumpuan pencari bakat bola sepak dari luar negara turut dipaparkan.

Beliau berkongsi pengalaman menjalani latihan bersama pasukan 16 dan 17 tahun serta skuad senior NK Osijek FC, sebuah kelab terkemuka di Croatia pada awal Jun.

Selain itu, ulasan terjemahan buku Mandela: Jalan Berliku Menuju Kebebasan memaparkan ranjau yang dilalui pejuang antiaparteid termasuk detik-detik kehidupannya sepanjang 27 dipenjara.

Dampak positif pembersihan paip

Patuh 99.8 peratus piawaian kualiti air

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA LUMPUR - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mematuhi piawaian 99.80 peratus kualiti air minuman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Suhaimi Kamaralzaman berkata perkembangan itu didorong kerja pembersihan paip yang dijalankan iaitu sebanyak 9,027 pada tahun lalu berbanding 8,853 pada 2020.

"Kita mempunyai 1,122 stesen pensampelan kualiti air aktif sehingga akhir tahun lalu manakala kekerapan pemantauan dijalankan di stesen mengikut keperluan ditetapkan KKM.

"Sebanyak 251,901 analisis (pensampelan air) turut dilaksanakan sepanjang tempoh berkenaan," katanya pada 30 Jun ketika membentang laporan kelestarian Air Selangor 2021 di The Vertical, Bangsar South City di sini.

Beliau berkata pihaknya akan meneruskan lebih banyak kerja pembersihan paip supaya 8.4 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sentiasa mendapat bekalan air terawat.

"Kes kebocoran paip tahun lalu adalah 135,413 berbanding 124,614 kes pada 2020. Secara keseluruhan, kita meletakkan paip sepanjang kira-kira 96.8 km dalam tempoh tersebut," katanya.

Selain itu, Air Selangor merekod 27.93 peratus kadar purata air tidak berhasil (NRW) tahun lalu.

Suhaimi berkata angka itu melepasi sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu kurang 28 peratus bersamaan penjimatan air 192.5 juta liter sehari (JLH)

"Pencapaian ini hasil perancangan strategik yang rapi, pelaksanaan inisiatif kelestarian dan program pengurangan NRW dalaman secara meluas.

"Pembukaan semula sektor ekonomi dan berakhirnya tempoh perintah kawalan pergerakan membantu meningkatkan kemajuan kerja dirancang," katanya pada 30 Jun.

NRW dicatat pada 2020 ialah 28.6 peratus berbanding 29.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Bantu keluarga B40 terjejas

KUALA LUMPUR - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membantu 1,629 individu dan keluarga berpendapatan rendah (B40) terjejas Covid-19 melalui pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) sepanjang tahun lalu.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata program kendalian Sesama Mara membabitkan agihan Kotak Harapan, program perantisan paip, khidmat bantuan paip, projek pelitup muka termasuk pembelajaran dalam talian anak-anak.

"Secara keseluruhan kita berjaya mengagihkan bantuan berjumlah RM450,705 menerusi program CSR tersebut," kata Suhaimi Kamaralzaman ketika membentangkan laporan kelestarian Air Selangor 2021 di The Vertical, Bangsar South City pada 30 Jun.

Beliau turut memaklumkan pihaknya turut mengungguli Anugerah Kecemerlangan Teknologi Malaysia 2021 bagi kategori Aplikasi Mobil Pengguna Air Selangor dan Operasi Aplikasi Mobil pada Mei tahun lepas.

"Anugerah itu dianjurkan Kajian Perniagaan Singapura untuk menobatkan organisasi yang melaksanakan inisiatif penyelesaian teknologi maklumat (IT) paling inovatif dan unik di negara ini," katanya.

Mitos doa di Jabal Rahmah
10

Pakej mewah walau tidak pandai mengaji

Pertama kali menjejakkan kaki ke Makkah, Arab Saudi untuk menunaikan umrah pada Ramadan 2015, hati Nabil Ahmad terus terpaut. Lantas juara program Raja Lawak 2008 memanjatkan doa agar diberi peluang menjadi tetamu Allah.

Namun beliau tidak menyangka peluang ke tanah suci itu hadir beberapa bulan selepas itu. Kali ini, bagi menunaikan ibadat haji, rukun Islam kelima yang sememangnya dinantikan setiap muslim.

Panggilan 'mengejut' untuk mengerjakan ibadat haji itu disambut Nabil dengan penuh rasa syukur meski tempoh singkat untuk dirinya membuat persiapan.

Penghibur itu mengimbau pengalamannya termasuk dugaan dihadapi sebelum berlepas ke tanah suci kepada wartawan AMIN RIDZUAN ISHAK pada 28 Jun lalu.

Sekitar Ogos 2015, sebulan selepas menunaikan umrah, pelawak dan pengacara terkenal, Nabil Ahmad mendapat panggilan daripada sahabatnya yang memberitahu sesuatu perkara yang cukup mengejutkannya.

Rakannya mempelawa selebriti itu mengisi satu kekosongan untuk mengerjakan haji pada musim itu selepas seorang daripada 20 peserta menarik diri. Kelu lidahnya dan tidak mampu mengungkapkan kata-kata sebaik mendengar berita berkenaan.

Berita gembira itu diiringi linangan air mata. Hatinya berkata 'mungkin Allah makbulkan doa aku ketika umrah dahulu'. Ketika 10 hari terakhir Ramadan di tanah suci semasa menunaikan umrah, Nabil sering berdoa dipanggil semula menjadi tetamu Allah.

Tetapi suami kepada Nazirah Ayub itu tidak menyangka rezekinya hadir secepat itu. Dipilih mengerjakan rukun Islam kelima, sesuatu yang tidak pernah difikirkan dalam usia mudanya.

Namun timbul persoalan sama ada dirinya layak mendapat panggilan seumpama itu. Akui Nabil, dirinya masih belum sempurna dan bersedia kerana cetek ilmu agama.

"Saya macam tidak percaya kerana ini bukan ibadah biasa, haji ini sangat tinggi dan saya seolah-olah rasa tidak layak. Saya mengaku amal ibadah tidak seberapa, mengaji al-Quran pun tidak pandai.

> "Saya macam tidak percaya kerana ini bukan ibadah biasa, haji ini sangat tinggi dan saya seolah-olah rasa tidak layak"

"Tetapi peluang itu tidak harus dilepaskan kerana ini panggilan Allah dan saya terpilih," kata bekas pekerja penghantaran itu sebelum menceburi bidang hiburan.

Isteri risau

Berita itu disampaikan kepada keluarganya yang gembira dan mengadakan kenduri doa kesyukuran. Bagaimanapun terdetik kerisauan di hati Nazirah, bimbang jika Nabil meninggal

Mitos doa jodoh di Jabal Rahmah

Jabal Rahmah, satu daripada lokasi popular ziarah jemaah haji kerana ia sebahagian daripada padang Arafah yang menjadi tempat wukuf pada setiap 9 Zulhijah saban tahun.

Bagaimanapun, ada kepercayaan dalam kalangan umat Islam di negara ini kononnya Jabal Rahmah lokasi mustajab berdoa supaya bertemu jodoh.

Wartawan **Nadiah Zamlus** mendapatkan penjelasan Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, **Dato' Dr Anhar Opir** mengenai persoalan itu dalam temu bual pada 30 Jun.

Boleh ceritakan tempat tertentu di Makkah dan Madinah di Arab Saudi yang mustajab berdoa?

Makkah dan Madinah tempat istimewa bagi orang Islam. Ia menjadi tempat untuk kita menunaikan ibadah umrah dan haji. Berkaitan dengan doa di tempat mustajab jika merujuk kepada dalil al-Quran dan hadis, memang ada beberapa tempat. Bagi Makkah, pertamanya, multazam iaitu kedudukannya antara sudut Hajar Aswad dan pintu Kaabah. Mungkin kita biasa tengok gambar orang pegang pintu Kaabah, mereka meletakkan tangan di situ, itulah multazam. Kedua tempat mustajab doa adalah Hijir Ismail, kalau perasan tempat lekuk macam hemisfera di Kaabah yang atasnya ada pancuran emas, itu termasuk binaan Kaabah. Sebab itulah apabila kita bertawaf dan syarat sah tawaf tidak boleh potong Hijir Ismail. Aishah RA (isteri Nabi Muhammad SAW) pernah menyatakan hasrat untuk solat dalam Kaabah. Maka Rasulullah bersabda "Solat di sini, sesungguhnya ia (Hijir Ismail) adalah sebahagian Kabaah". Terakhir ialah Safa dan Marwah, tempat kita bersai. Oleh itu disunatkan bila sampai di bukit Safa, menghadaplah kiblat dan panjatkan doa kepada Allah. Sementara itu, bagi lokasi mustajab doa di Madinah pula, tempatnya sebahagian adalah Raudah, dalam Masjid Nabawi. Tapi saya harap kalau kita sudah berdoa dalamnya, cukup lima minit, bagi orang lain pula. Kedua, mihrab Rasulullah SAW, kerana ia dikaitkan dengan Raudah juga.

Hukum berkunjung ke tempat mustajab berdoa ini?

Hukumnya harus dan memang tidak salah, doa itu tandanya seseorang berusaha. Ini berdasarkan hadis diriwayatkan Abu Hurairah RA, sabda Nabi SAW "Janganlah kalian bersungguh-sungguh melakukan perjalanan kecuali ke tiga masjid iaitu Masjidil Haram (Makkah), masjidku (Masjid Nabawi Madinah) dan Masjid Al-Aqsa (Palestin)". Jadi perkara ini tidak salah, malah sangat disuruh pergi ke tempat-tempat berkenaan.

Perutusan Aidiladha 1443 Hijri

Ingat Allah, bantu umat

Kita berada di bulan Zulhijah, bulan yang menghimpunkan dua ibadah besar bagi umat Islam iaitu ibadah haji dan juga ibadah korban.

Dua ibadah ini adalah tali yang menghubungkan kita dengan leluhur agung Nabi Ibrahim, isterinya Siti Hajar dan juga anaknya Nabi Ismail.

Melalui kisah mereka yang diceritakan al-Quran, kita dapat memahami betapa dalamnya pengorbanan mereka demi mempertahankan ajaran tauhid yang hanif.

Dalam surah al-Hajj ayat 34, Allah berfirman: "Bagi setiap umat kami syariatkan ibadah korban supaya mereka mengingati nama Allah yang mengurniakan rezeki yang terdiri daripada binatang ternakan itu. Dan Tuhan kamu semua adalah Tuhan yang Esa, maka hanya pada-Nya kamu menyerah diri, dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang taat."

Ibadah korban juga disebutkan oleh al-Quran sebagai syiar Allah di mana terdapat kebaikan untuk umat manusia.

Kerana itu, di samping kita digalakkan untuk mensyukuri dan mengingati nama Allah semasa menjalankan ibadah korban, kita tidak boleh melupakan ada bahagian yang perlu diberikan untuk mereka yang memerlukan dan melarat.

Kesyukuran itu bukan semata-mata amalan peribadi tetapi juga mempunyai sisi kemasyarakatan yang dizahirkan melalui amalan membantu dan memberi makan golongan fakir miskin dan mereka yang memerlukan.

Tahun ini juga bukan tahun yang mudah untuk kita semua. Pemulihan pascapandemik yang kita harapkan bukanlah garis lurus tetapi penuh dengan liku dan cabaran.

Kita dapat melihat bagaimana harga barang melambung begitu tinggi disebabkan inflasi dan kekacauan ekonomi dunia. Sudah pasti kesannya amat buruk jika tidak ditangani dengan baik.

Menyedari cabaran ini, Kerajaan Negeri Selangor melancarkan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas). Program ini meluaskan capaian dan menambah baik program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan program Kasih Ibu Smart Selangor Ibu Tunggal (KISS-IT).

Bingkas akan memberi manfaat kepada keseluruhan anggota keluarga dengan menyasarkan sebanyak 30,000 keluarga dengan bantuan RM300 bagi setiap bulan bagi pembelian barangan keperluan asas serta peralatan pendidikan.

Di samping itu juga Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) turut mengadakan Jualan Prihatin Rakyat Aidiladha yang menawarkan barangan keperluan seperti ayam, daging, telur, minyak masak dan ikan pada harga yang lebih rendah.

Inilah tekad saya dan keseluruhan pasukan saya dalam pentadbiran negeri Selangor yang percaya tidak ada golongan yang harus terpinggir di saat kita berusaha membangunkan negeri ini dalam pelbagai bidang.

Pada tahun ini juga kita bersyukur kerana peluang untuk menunaikan haji dibuka semula setelah dua tahun pandemik. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada mereka yang dikurniakan rezeki untuk menyahut panggilan haji. Semoga mendapat haji yang mabrur dan diberikan kesihatan sepanjang pergi dan pulang.

Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar

Salah satu tempat popular berdoa adalah Jabal Rahmah, ramai mengaitkan sebagai tempat berdoa supaya bertemu jodoh. Boleh Dato' jelaskan?

Jabal Rahmah terletak di Gunung Arafah. Ia bukit batu granit di timur Makkah. Turut dikenali sebagai Gunung Rahmat (Jabal al-Rahmah). Tingginya kira-kira 70 meter. Mengikut sejarah, ia berkaitan tempat pertemuan Nabi Adam AS dan isterinya Hawa selepas keduanya keluar dari syurga. Waktu itu mereka digoda syaitan sehingga dikeluarkan kedua-duanya turun ke bumi. Namun ketika itu Nabi Adam dan Hawa terpisah, tetapi Jabal Rahmah menjadi tempat pertemuan semula mereka. Ada juga ulama mengatakan, lokasi itu berkait rapat dengan mimpi Nabi Ibrahim AS menyembelih putera baginda, Nabi Ismail AS. Sejarah ketiga pula dikaitkan dengan turunnya wahyu terakhir Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW adalah di Jabal Rahmah, ketika Rasulullah wukuf di Arafah.

Tiada nas atau dalil khusus mengatakan kalau hendak dapat jodoh kena panjatkan doa di Jabal Rahmah. Hendak doa jodoh, rezeki, kesihatan atau kerja boleh pergi ke tempat mustajab doa seperti kita sebut awal tadi. Tetapi jika tidak ke sana pun kita ada waktu mustajab berdoa. Tiada kaitan dengan tempat, ia hanya masa.

Contohnya sewaktu khatib duduk antara dua khutbah Jumaat, pada waktu itu mustajab doa, jangan lepaskan peluang. Juga berdoa pada petang Jumaat. Termasuk berdoa antara azan dan iqamat. Tentang Jabal Rahmah ini memang tiada dalil khusus. Namun, adakah kita hendak larang? Tidak boleh, sebab semua tempat, di mana-mana pun boleh berdoa. Apalagi di Makkah tempat turun wahyu. Tiada masalah, cuma jika kita beriktikad iaitu simpan keyakinan dalam hati bahawa kalau doa hendak dapat jodoh mesti ke Jabal Rahmah, itu sudah silap. Kalau sekadar doa, kita tiada larangan, jangan iktikad sahaja.

Ada yang taasub berdoa minta jodoh di Jabal Rahmah. Apa hukumnya?

Taasub ini dikaitkan dengan perkara negatif dan biasanya membawa kepada perkara tidak baik. Cuma apabila berdoa ini kita kena yakin, doa sahaja di mana-mana tapi kena yakin Allah makbulkan, jika Allah tak makbul mungkin dapat rezeki lain lebih baik sesuai dengan kita. Bila Allah tidak bagi, kita kena percaya mungkin perkara itu akan datangkan mudarat. Oleh itu, taasub kepada Jabal Rahmah dalam erti kata mempercayai terdapat fadilat khusus dan amalan khusus boleh merosakkan akidah. Umat Islam seharusnya lebih bersederhana dalam perkara ini tanpa berlebih-lebihan.

Amalan yang patut dilakukan ketika di Jabal Rahmah?

Tiada amalan khusus disyariatkan ketika berkunjung ke Jabal Rahmah. Melainkan sekiranya hadir ke situ ketika hari wukuf di Arafah dengan niat mengerjakan haji maka seseorang itu sudah terikat dengan hukum-hakam berkaitan haji. Perbanyak berdoa ketika berwukuf. Berzikir, baca al-Quran dan kurangkan sembang dengan orang lain. Fokusnya ibadah.

Ada amalan karut dilakukan umat Islam ketika berada di situ yang Dato' boleh ceritakan?

Berdasarkan kenyataan pengarah operasi Tabung Haji pada 2015, ada jemaah cuba melakukan perbuatan melanggar akidah ketika di sana. Ia termasuk solat di atas Jabal Rahmah sambil menghadap tugu. Macam mana boleh solat hadap tugu sedangkan solat patut menghadap Kaabah? Ada juga mengambil batu di situ kononnya untuk azimat. Ketiga, mengucup dan menulis atas batu dengan keyakinan bahawa batu atas Jabal Rahmah ada kuasa. Seterusnya meletakkan kepercayaan berdoa atas bukit itu adalah mustajab sedangkan berdoa di mana-mana tempat pun boleh. Begitu juga percaya doa mendapat jodoh paling mustajab adalah di situ.

Sebahagian jemaah berasa harus berkunjung ke Jabal Rahmah dan bersolat di atasnya. Apa pandangan mendatangi tempat ini?

Berkunjung ke sana termasuk dalam perkara harus. Kerana tiada suruhan mahupun larangan yang jelas di dalam syarak tentang hukum ke Jabal Rahmah. Manakala bersolat di atas Jabal Rahmah merupakan perkara tidak digalakkan kerana tiada fadilat khusus berkaitan perkara tersebut. Namun kunjungan ke sana wajib disertai niat dan amalan yang tidak bertentang syarak seperti niat berkunjung untuk melihat keesaan Allah. Mengambil pengajaran daripada kisah bersejarah yang ada kaitan dengan tempat kita lawati dan sentiasa memuji kebesaran Allah SWT ketika mengimbau kembali sejarah berkenaan.

Cakna kesihatan

SELANGOR menyediakan RM67 juta untuk semua 10 program bantuan Iltizam Selangor Sihat. Peduli kesihatan menjadi tema siri ketiga Jelajah Selangor Penyayang di Kuala Selangor pada 2 Julai.

Kerajaan Negeri membelanja RM600 juta untuk menjayakan lebih 40 pakej bantuan kepada kanak-kanak, wanita, pelajar, orang kelainan upaya, petani dan peniaga kecil dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan.

Jurufoto FIKRI YUSOF dan AHMAD ZAKKI JILAN merakam kemeriahan promosi pakej bantuan di stadium Kuala Selangor.

Sebanyak 24 keping foto lagi dimuatkan dalam akhbar digital di portal selangorkini.my. Keterangan foto disediakan NADIAH ZAMLUS.

EXCO Pemodenan Pertanian Ir Izham Hashim (tengah) bersama usahawan yang menerima bantuan berjumlah RM1.3 juta bagi memajukan industri asas tani

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama penerima Skim Rawatan Jantung dengan bantuan hingga RM50,000

Orang ramai berpeluang mendaftar Rumah Idaman yang disedia Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Sebanyak 70,000 unit kediaman selesa ditawar sepanjang jelajah

Selain pameran dron bagi kerja pertanian, kakitangan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) menunjukkan risalah promosi institusi pendidikan berkenaan

Warga emas yang berkerusi roda memeriksa kesihatan di kaunter Selangor Saring, program percuma untuk rakyat mengesan lebih 10 penyakit kronik

Ahli Dewan Negeri Permatang Rozana Zainal Abidin (tujuh, kiri) bergambar bersama 11 penerima Dana Usahawan Mikro Selangor, bantuan peniaga kecil meningkatkan hasil jualan

Amirudin menyerahkan hadiah kepada pemenang utama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) terbaik daerah Kuala Selangor kepada wakil Kampung Sungai Buloh

Kumpulan suri rumah peserta Wanita Berdaya Selangor menunjukkan hasil kraf tangan seperti tudung saji, bantal dan gubahan bunga untuk jualan

Kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun menyertai pertandingan mewarna, terdapat tiga kategori dipertandingkan mengikut kategori usia

Kumpulan Voidfam.my menunjukkan mata ketika kejohanan e-sukan Mobile Legends yang menawarkan hadiah terkumpul RM3,000

Pelbagai juadah pemanis mulut seperti kek, mufin, puding dan tat dijual di Kedai Merah Jambu Dessert & Cafe ketika pameran

Penyanyi popular Wany Hasrita menghibur dan bermesra dengan penonton ketika menyanyikan lagu Menahan Rindu

Dato' Seri Amirudin Shari (empat, kanan) bersama penerima Skim Peduli Sihat Penjawat Awam, bantuan untuk kakitangan Gred 44 ke bawah mendapat rawatan sehingga RM10,000

Amirudin bergambar dengan penerima Iltizam Selangor Sihat, bantuan rawatan asas sehingga RM500, perlindungan insurans sehingga RM5,000 dan khairat kematian RM1,000

Pengunjung menderma darah anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebahagian acara Jelajah Selangor Penyayang di Kuala Selangor

Kakitangan Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) membantu usahawan belajar selok-belok teknologi terkini untuk e-dagang



Kanak-kanak menyertai pertandingan mewarna yang dibahagi kepada tiga kategori umur iaitu 5 hingga 6 tahun, 7 hingga 9 dan 10 hingga 12 tahun

Selain mendapat maklumat bantuan Kerajaan Negeri, orang ramai boleh menikmati juadah yang dijual dari kendera saji seperti cendol, kuetiau goreng dan takoyaki

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berucap ketika program Khayra Ummah sempena Jelajah Selangor Penyayang di Masjid Nurul Iman, Ijok

Ahli Dewan Negeri Permatang Rozana Zainal Abidin bersama 13 penerima bantuan perniagaan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) bagi daerah Kuala Selangor

Kakitangan Pengurusan Air Selangor menunjukkan kempen terbaru Tap, Tap & Win X50. Pelanggan yang mendaftar bil secara dalam talian berpeluang memenangi kereta Proton X50

Kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor mempromosi khidmatnya di reruai Iltizam Pendidikan Fardhu Ain, insentif yang membantu subsidi yuran bulanan KAFA kepada murid B40

Perkhidmatan trem disedia untuk kemudahan pergerakan pengunjung dari kawasan parkir ke khemah pameran siri ketiga Jelajah Selangor Penyayang di stadium Kuala Selangor

Peserta ralit merancang strategi bagi memenangi liga permainan bola sepak dalam talian PlayStation FIFA22 dalam acara e-sukan di stadium tertutup Kuala Selangor

Dato' Seri Amirudin Shari mencuba khidmat dalam talian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang memudahkan pencarum menyemak akaun masing-masing

Kumpulan Mr X Buskers menghiburkan pengunjung di pentas utama program jelajah. Pemuzik dari Tanjong Karang itu sering diundang ke majlis perkahwinan

Pengunjung melihat peta laluan perkhidmatan percuma untuk penumpang warganegara Bas Smart Selangor bagi daerah Kuala Selangor

Orang ramai mendengar penjelasan mengenai pelbagai usaha Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai bantuan untuk rakyat daripada Amirudin di pentas utama

Kanak-kanak menyertai pertandingan merebut gula-gula sempena Jelajah Selangor Penyayang siri ketiga dengan tema Kesihatan Berkualiti, Rakyat Terbela

Kakitangan awam Nur Syazwani Salim (kiri) dan Nurul Hazwani Muhammad Redzuan menunjukkan poster jelajah di pintu masuk utama gerai pameran

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan replika kunci motosikal kepada pengunjung yang berjaya memenangi hadiah utama cabutan bertuah

Amirudin, isteri Datin Seri Masdiana Muhamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Norita Mohd Sidek bersama kakitangan

Kakitangan pejabat EXCO Pemberdayaan Pekerja V Ganabatirau menunjukkan risalah program pembangunan usahawan mikro I-Seed dan pendaftaran dokumen MySEL

Pengunjung menyerbu reruai agensi rasmi penerangan negeri Media Selangor dan berpeluang mendapat naskhah percuma mingguan Selangorkini

Kafeteria Hab's Coffee dari Kampung Baharu, Kuala Selangor menyediakan gerai kecil menjual pelbagai jenis minuman berasaskan kopi kepada pengunjung

Orang ramai bergerak dari satu ruang ke satu ruang pameran agensi Kerajaan Negeri yang menawarkan bermacam-macam bantuan termasuk pendidikan, kesihatan dan kekeluargaan

dunia di tanah suci.

Itulah cabaran bagi Nabil meyakinkan isteri. Hatinya tidak keruan menjelang penerbangannya pada 19 September 2015. Banyak perkara bermain di fikirannya sehingga terasa mahu batalkan rancangan mengerjakan haji.

Beliau mendapatkan nasihat guru agama yang memintanya berdoa supaya diberi ketenangan. Seloroh Nabil, mungkin syaitan ingin menggugat hatinya supaya tidak ke sana.

“Itu ujian sebelum pergi, isteri risau saya tidak lagi balik. Saya pujuk dia dan kata kalau ditakdirkan meninggal dunia di sana....itu rezeki kerana ‘pergi’ di tempat suci dalam keadaan mengerjakan ibadah tertinggi.

“Memang hati runsing waktu itu. Ada juga fikir tidak mahu buat haji, sebab fikir saya muda lagi waktu itu (32 tahun) mungkin boleh tangguh bila tua nanti...tetapi saya bimbang membayangkan nyawa ditarik sebelum sempat tunaikan haji walau sudah diberi peluang,” ujar Nabil.

Rasa tidak percaya terpilih menunaikan haji turut dirasakannya pada saat sebelum memasuki perut pesawat. Namun, beliau menguatkan azam kerana yakin semua takdir itu sudah tertulis.

Bapa kepada tiga anak itu bersyukur dapat menunaikan rukun Islam kelima dengan lancar dan baik selama 12 hari berada di Makkah.

Tidak mahir baca Quran

Meski tidak mahir mengaji al-Quran, penghibur itu memanfaatkan sepenuhnya beribadah dan cuba mengisi kekosongan jiwanya. Di sana, beliau menikmati pengalaman yang tiada di tanah air.

Timbul juga perasaan malu kerana menikmati pelbagai kemudahan seperti hotel mewah serta khemah selesa berbanding jemaah lain. Amalannya tidaklah sehebat insan lain. Hatinya tersentuh melihat jemaah menggunakan pakej muassasah yang berada dalam keadaan sebaliknya.

"Masa di Arafah, saya lihat pakcik dan makcik dalam keadaan berpanas, berlindung di sebalik pokok sedangkan saya duduk di khemah selesa malah ada orang sambut hari lahir saya di sana.

"Sebab itu bila orang panggil saya haji bila balik, saya segan sebab tidak pandai mengaji. Di sana ketika jemaah lain dalam bas baca al-Quran saya hanya mampu lihat sahaja.

"Saya baca surah lazim yang saya hafal sahaja, Allah tunjuk itu semua dan bila balik saya belajar perlahan-lahan. Alhamdulillah dapat khatam pada awal tahun ini ketika keluar tabligh selama 40 hari di Kajang sehingga Johor," katanya.

Hazama kirim doa

Beliau turut berkongsi peristiwa yang membuktikan kebesaran Allah ketika berada di sana. Ketika di Arafah iaitu kemuncak haji, rakan baiknya yang juga penyanyi Hazama menghubunginya untuk mendoakan keselamatan ibunya.

Ketika itu, ibu Hazama berada dalam bilik untuk pembedahan jantung. Penyanyi itu tidak sanggup kehilangan ibu dan meminta Nabil berdoa supaya pembedahan berjaya.

"Saya pun sampaikan doa Hazama di tanah haram pada waktu itu. Keesokan harinya,



> **“Sebab itu bila orang panggil saya haji bila balik, saya segan sebab tidak pandai mengaji. Di sana ketika jemaah lain dalam bas baca al-Quran saya hanya mampu lihat sahaja”**

Hazama memberitahu ibunya selamat. Saya gembira sangat kerana Allah kabulkan doa seorang anak yang baik untuk ibunya.

"Itu kebesaran Allah. Kita berdoa di tempat dan waktu paling baik. Ramai minta kirim doa dan saya harap Allah akan kabulkannya...kalau bukan di dunia mungkin di akhirat nanti," ceritanya.

Bagi Nabil, mengerjakan ibadah haji mempunyai pengertian tersendiri. Ia mungkin satu peringatan dan kehendak Allah supaya umatnya kembali kepada fitrah agama dan keluar berdakwah ke jalan Islam.

Baiki diri

Mengambil contoh dirinya, jemputan untuk menjadi tetamu Allah itu membolehkannya memperbaiki diri dengan persekitaran agama antaranya sentiasa beribadah dan mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW.

"Tetapi bila kita pulang semula ke Malaysia adakah kita buat itu semua? Apakah kita solat ikut waktu? Ikut sunnah Rasulullah pakai jubah dan serban untuk sembahyang. Kadang-kala kita ini pakai pakaian yang sempat dicapai sahaja.

"Sebab itu saya kata bila terpilih mengerjakan haji ini, ia sebenarnya satu proses untuk melatih diri bagi memperbaiki kehidupan dan harus keluar ke jalan dakwah," katanya.

Anak kelahiran Seremban itu juga mendedahkan sejak menunaikan haji, saban tahun beliau mengunjungi tanah suci pada 10 malam terakhir Ramadan.

Hanya pada 2020 dan tahun lalu, Nabil tidak dapat berkunjung akibat penutupan pintu sempadan negara susulan penularan Covid-19.

Mengerjakan haji memberi kesan besar kepada kehidupannya. Diri Nabil lebih dekat dengan agama dan penghibur itu mula berdakwah dengan menyertai tabligh.

Meski pun begitu Nabil kekal aktif dalam hiburan kerana ia sumber pendapatannya. Pada sudut pandang lain pula, beliau mahu mengembangkan syiar Islam menerusi hiburan.

"Proses ini berjalan secara perlahan-lahan dan saya harap ada rezeki serta kesempatan untuk keluar sepenuhnya ke jalan agama, itu impian saya," cerita Nabil.

Si buta 'celik' depan Kaabah

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

Mohamad Safuan Syed Hashim Al-Khered, 35, masih terkenang jemaah haji cacat penglihatan bimbingannya lima tahun lepas. Keajaiban dialami jemaah orang kelainan upaya (OKU) itu bukti kuasa Allah SWT.

Mutawif berumur 35 itu ingat lagi pada suatu petang dalam musim haji 2017, jemaah buta itu memanggilnya kerana mahu bercerita. Sebagai pembimbing jemaah, beliau sedia membantu termasuk mendengar aduan.

Dengan perlahan lelaki buta itu berbisik. Jemaah cacat penglihatan sejak lahir itu menyatakan semasa dia tawaf dekat Kaabah bersama saudara, matanya 'dibuka' dan dapat melihat binaan Nabi Ibrahim AS dan keadaan di Masjidil Haram.

"Lelaki itu ceritakan bagaimana rupa Kaabah, dia ceritakan apa yang ada di sekelilingnya. Semua dicerita dengan teliti, tidak ada kisahnya yang cacat cela. Semuanya betul.

"Tetapi dia buta! Allahuakbar, Allah buka mata hatinya melihat keindahan Kaabah pada hari itu, istimewanya kurniaan yang Allah beri padanya hari itu," katanya kepada Selangorkini pada 1 Julai.

Pengalaman bersama jemaah buta itu cukup mengesankan jiwa anak kelahiran Pahang itu. Tidak pernah beliau bertemu seorang buta yang dapat menceritakan keadaan sebenar Kaabah dan sekelilingnya.

Ia antara pengalaman unik graduan jurusan bahasa dari Maahad Lughah Damsyik, Syria selama 10 tahun bekerja sebagai mutawif. Pengalaman jemaah haji dan umrah sedemikian menjadikannya sentiasa mengingati Allah SWT.

Menceritakan kisah awal penglibatannya pada 2011, pada mulanya beliau tidak mahu menjadi mutawif. Namun ibunya bersungguh-sungguh dengan mengambil borang daripada akademi mutawif di Johor untuknya.

Mohamad Safuan berkata, ibunya benar-benar berhasrat dirinya menjadi mutawif, namun jiwanya masih belum terbuka dengan cadangan itu.

Bagaimanapun ketika berumur 25, Mohamad Safuan dan bapanya, Syed Hashim Syed Mohamud Al-Khered mengerjakan umrah bersama di tanah haram. Pada waktu itulah beliau jatuh cinta dengan Makkah dan Madinah.

Bimbing kerabat

Setelah pulang ke Malaysia, anak kedua daripada enam beradik itu terasa seperti dipanggil-panggil semula dan tanpa membuang masa, Mohamad Safuan mengisi borang akademi mutawif.

Katanya, sebagai mutawif beliau menjadi pembimbing dan rujukan jemaah berhubung ibadah haji dan umrah. Pada masa sama, Mohamad Safuan mengadakan kuliah agama supaya masa jemaah terisi dengan ilmu bermanfaat sepanjang berada di tanah haram. Beliau juga harus menjaga keperluan dan kesihatan jemaah.

Kini berkhidmat dengan syarikat Wira Saujana Travels & Tour, beliau pernah membimbing selebriti seperti Ashraf Muslim dan Erma Fatima. Kerabat diraja Pahang, Cik Puan Muda Julita Aishah serta Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail juga pernah menggunakan khidmat bimbingannya.

Menetap di Senawang, Negeri Sembilan, Mohamad Safuan berkata daripada pandangan mata kasar, ramai beranggapan seronok menjadi mutawif kerana sering ke Makkah dan Madinah dengan kos pengangkutan dan penginapan ditanggung.

Namun sebenarnya banyak dugaan perlu dilaluinya. Selain kena sentiasa menjaga tingkah laku di tanah haram, beliau terpaksa meninggalkan isteri dan tiga anak yang masih kecil dalam tempoh yang lama.

"Demi tanggungjawab, kami berkorban daripada meluangkan masa dengan anak-anak berbulan-bulan. Kami hanya meletakkan isteri dan anak-anak di bawah jagaan Allah SWT," katanya.

Mohamad Safuan berpesan, mana-mana individu yang mahu menjadikan mutawif sebagai kerjaya perlu mendalami beberapa perkara.

"Pertama, belajar bahasa Arab kerana itu bahasa pengantar utama di Makkah dan Madinah. Seterusnya mantapkan pengetahuan sejarah kita mengenai Nabi Muhammad SAW dan para sahabat.

"Juga dalami sirah Makkah dan Madinah. Kalau boleh fahami dan belajar sejarah Arab Saudi, itu bonus. Tidak lupa belajar cara untuk kuatkan mental dan fizikal kerana kita akan berhadapan dengan ribuan jemaah dengan pelbagai ragam," katanya.

SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Pengarang berita portal:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol

Ketua wartawan:
Amin Ridzuan Ishak

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Artis grafik kanan:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

MediaSelangor
Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Panggilan Allah

IBADAH haji mula disyariatkan pada tahun kesembilan hijrah. Rukun Islam kelima itu diwajibkan kepada umat Islam yang mampu sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Wartawan **AFIX REDZUAN** menyusun maklumat pergerakan ibadah haji bermula 8 hingga 13 Zulhijah di Makkah, Arab Saudi.

Maksud haji

- aspek bahasa ialah menuju atau mengunjungi ke sesuatu tempat
- aspek istilah bermakna mengunjungi Baitullah (Kaabah) pada masa tertentu (bulan haji, Zulhijah) serta melaksanakan perkara wajib ibadah haji

Tiga jenis haji

- **haji ifrad:** mengerjakan ibadah haji dahulu dalam bulan haji kemudian mengerjakan umrah
- **haji tamattu':** mengerjakan umrah dahulu dalam bulan haji kemudian mengerjakan haji pada tahun sama
- **haji qiran:** berniat ihram haji dan umrah serentak pada bulan haji,kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji

Syarat wajib

- Islam
- baligh
- perjalanan yang selamat
- berakal
- merdeka
- mampu

Amalan dan rukun



ihram

- mandi sunat
- solat sunat
- memakai ihram

larangan semasa ihram

- sikat rambut
- pakai wangian
- jimak
- potong kuku
- akad nikah
- bunuh binatang buruan
- cukur atau cabut rambut/bulu di badan
- buat perkara bangkitkan syahwat
- * pakai pakaian berjahit
- * tutup kepala (kecuali uzur)

** khusus untuk lelaki*

miqat

- niat haji bersama rukun dan adab menyempurnakannya pada 8 Zulhijah
- terdapat dua miqat dan beberapa sempadan berniat iaitu:
  - **Miqat Zamani:** tempoh sah ihram haji
  - mulai Syawal sampai terbit fajar 10 Zulhijah
  - **Miqat Makani:** sempadan berniat dalam ihram

wukuf di Arafah (1)

- dilakukan bila-bila masa bermula zohor 9 Zulhijah hingga subuh 10 Zulhijah
- rukun haji paling penting
- banyakkan berdoa, zikir dan baca al-Quran
- memadai hadir pada waktu ditetapkan wukuf walaupun sesaat
- afdal gabungkan satu bahagian siang dan malam

bermalam di Muzdalifah (2)

- bergerak selepas Maghrib 9 Zulhijah dari Arafah
- tunggu hingga tengah malam
- kutip anak batu untuk melontar jamrah

melontar di Jamratul Aqabah (3)

- lontar dengan tujuh biji batu Jamratul Aqabah bermula tengah malam 10 Zulhijah hingga tenggelam matahari

tahalul awal (4)

- dilakukan selepas lontar Jamratul Aqabah pada 10 Zulhijah di Mina
- gunting sekurang-kurangnya tiga helai atau cukur semua rambut
- berdosa cukur jika belum waktunya dan wajib bayar dam
- bagi orang yang botak, sunat dilalukan pisau cukur di kepala

bermalam di Mina (5)

- wajib bermalam pada dua malam hari tasyrik (11 dan 12 Zulhijah)
- 11, 12 dan 13 Zulhijah lontar tiga jamrah dengan tujuh biji batu:
  - Jamratul Sughra (kecil)/Ula (pertama)
  - Jamratul Wusta (sederhana)/Thani (kedua)
  - Jamratul Kubra (besar)/Aqabah (akhir)

tawaf (6)

- gerak ke Masjidil Haram selepas ibadah di Mina
- pusing Kaabah sebanyak tujuh pusingan mulai Hajar Aswad dan berakhir pada sudut yang sama mengikut syara
- **tawaf ifadah** wajib dilakukan kerana ia rukun haji
- tawaf lain:
  - **qudum:** tawaf selamat datang ke Makkah (sunat ditunaikan)
  - **wida':** tawaf selamat tinggal Makkah (wajib ditunaikan)
  - **tatawu:** tawaf sunat apabila di Makkah

sai (7)

- dilakukan selepas tawaf ifadah
- berulang-alik dari Bukit Safa ke Marwah sebanyak tujuh kali
- sunat berlari-lari anak di antara dua garisan hijau (bagi lelaki)

tertib

- melakukan rukun ikut susunan ditetapkan

Sumber: Kitab Fikah Mazhab Syafie karya Dr Mustafa al-Khin, Dr Mustafa al-Bugho & Dr Ali asy-Syarbaji terbitan Pustaka Salam (2021)

Jambatan yang menghubungkan Kampung Iboi dengan Kampung Masjid Iboi, Baling roboh akibat dibawa arus deras dalam banjir besar pada 4 Julai. Foto BERNAMA

Sukarelawan bantu mangsa bah Baling

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melepaskan konvoi misi bantuan pascabanjir ke Baling, Kedah pada 6 Julai.

Konvoi Misi Selangor Penyayang diketuai Setiausaha Bahagian Unit Pengurusan Bencana Selangor Mohd Ikram Rahimi berserta 189 pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) dan 20 Sukarelawan Selangor (SERVE).

Amirudin berkata sebanyak 33 jentera dan 112 alatan dibawa bagi menjayakan operasi bantuan itu meliputi pacuan empat roda (4×4), lori Roll on Roll Off (RoRo) dan lori tipper.

"Diharap sokongan diberikan mampu mengurangkan beban sahabat kita di Kedah dan tanda kesediaan Selangor berdepan dengan pelbagai cabaran mendatang.

"Anggap juga sebagai latihan lapangan yang mungkin akan berlaku Selangor kerana kita pernah mengalami situasi ini tahun lepas," katanya.

Amirudin berkata pasukan misi bantuan dijangka berada di kawasan bencana sehingga 8 Julai, namun tidak menolak kemungkinan tempoh tersebut dilanjutkan sehari sebelum Aidiladha.

Turun lapangan dengar masalah rakyat

Kerajaan lambat punca harga naik

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

KUALA SELANGOR - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan kerajaan persekutuan lambat bertindak menangani kenaikan harga barang sejak enam bulan lalu.

Ketua pembangkang itu berkata Jawatankuasa Khas Kabinet yang ditubuh baru-baru ini sepatutnya diwujudkan lebih awal bagi membendung kenaikan harga.

"Harga ayam dah naik enam bulan, sebelum raya puasa dah nak masuk Raya Haji, baru hendak Tubuh Jawatankuasa Khas Kabinet. Ini kerajaan apa ini?

"Saya pernah jadi menteri. Dengar sahaja, sebelum naik seperti menjelang raya, beberapa bulan sebelum itu kita tubuh jawatankuasa untuk tangani dan ia boleh dikawal.

"Sekarang? Dah naik melambung sampai berbelas ringgit untuk sekilogram ayam baru buat Jawatankuasa Kabinet. Tidak membantu, tidak prihatin masalah rakyat," katanya pada 2 Julai.

65 peratus puas hati pentadbiran negeri

KUALA LANGAT - Lebih 65 peratus rakyat Selangor berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Negeri bawah pimpinan Pakatan Harapan (HARAPAN), kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu berdasarkan tinjauan yang dibuat negeri berhubung pandangan rakyat terhadap kepimpinan Selangor.

"Berdasarkan maklumat, saya perolehi lebih 65 peratus rakyat dilihat amat berpuas hati dengan cara pimpinan HARAPAN yang disifatkan lebih ke hadapan.

"Rakyat juga berpuas hati dengan program kebajikan yang kita laksanakan sejak dulu hingga sekarang. Kita belajar berdikit-dikit cara untuk memenuhi permintaan mereka dan kita mendapat maklum balas positif," katanya pada 3 Julai.

Sementara itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Selangor antara tiga negeri yang ditadbir Pakatan Harapan (HARAPAN) yang prihatin dengan masalah rakyat.

Presiden Parti Keadilan Rakyat berkata usaha memperkasakan rakyat belum cukup kerana parti itu perlu turun berjumpa golongan tersebut di luar bandar.

"Tiada negeri yang tunjukkan keprihatinan terhadap masalah rakyat termasuk ibu tunggal seperti negeri-negeri HARAPAN.

"Saya harap hal-hal dibangkitkan melibatkan Kerajaan Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan diberi perhatian," katanya dalam Sidang Nadi Rakyat di sini pada 2 Julai.

Siswa terjejas, terpaksa ikat perut

SHAH ALAM - Mahasiswa beberapa universiti sekitar Lembah Klang terpaksa mengikat perut bagi menampung perbelanjaan harian susulan harga makanan dalam kampus meningkat.

Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Nik Muhammad Fazrul Hakimi Nik Ismail, 23, mendakwa harga ayam naik RM1 hingga RM2 seketul bergantung kepada bahagian yang dipilih.

"Kami sebagai pelajar pun perlu berbelanja secara berhemah dan ada masanya terpaksa ikat perut kerana wang tidak mencukupi," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 4 Julai.

Perkara sama turut diakui pelajar Universiti Malaya (UM), Isa Ishaq Zulkifli, 22, yang menyifatkan harga makanan semakin mahal.

Jurang lebar akibat pemimpin rasuah

PETALING JAYA - Tahap kemiskinan di negara ini semakin ketara manakala jurangnya kian lebar akibat ramai pemimpin kerajaan terpalit rasuah dan salah guna kuasa.

Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata rakyat mengeluh kesusahan lantaran golongan elit politik hanya mengaut kekayaan untuk diri sendiri.

"Ini bukan soal kaum, ada elit politik Melayu yang khianat, selain Cina dan India yang kaut keuntungan termasuk dalam kalangan pekerja dari Bangladesh. Semua terpalit dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah," katanya pada 2 Julai.

Henti aktiviti hayunan tali tinggi

HULU SELANGOR - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyita peralatan syarikat aktiviti sukan lasak hayunan tali tinggi di Kuala Kubu Bharu di sini pada 24 Jun lalu.

Yang Dipertuanya Mohd Hasry Nor Mohd berkata operasi dengan kerjasama beberapa agensi lain susulan aduan aktiviti itu tidak mendapat kebenaran, lapor portal Harian Metro.

"Pemeriksaan di lokasi mendapati tiada aktiviti 'rope swing' dijalankan. Bagaimanapun, terdapat satu kabin serta beberapa peralatan sukan 'rope swing' di jambatan Pertak yang menutupi sebahagian laluan jalan raya.

"Semasa operasi dijalankan pengurus syarikat terbabit hadir dan dimaklumkan mengenai kesalahan dilakukan. Pihak syarikat akur dan menghentikan operasi sehingga memenuhi syarat ditetapkan" katanya.

Kompaun, sita kolam punca lalat

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) mengkompaun pemilik kolam ternakan ikan yang dipercayai menjadi punca gangguan lalat di Sungai Yu, Tanjong Karang.

Gangguan berpunca daripada bangkai ayam yang dijadikan makanan kepada ikan hasil.

MPKS sebelum ini ada mengeluarkan notis dan kompaun kesalahan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang bagaimanapun tidak dipatuhi pemiliknya.

"Penguat kuasa bertindak menyita beberapa kawasan sekitar kolam ternakan dan pemilik dikenakan kompaun mengikut UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan perindustrian 2007 dan Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan," kata kenyataan pada 1 Julai.

Baja tahi ayam punca masalah bau

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) mengeluarkan notis kepada pemilik dan pengusaha kebun pisang susulan aduan masalah bau di Taman Bukit Raya 2, di Bukit Beruntung pada 4 Julai.

Menurut MPHS, pihaknya menemui 1,600 guni baja jenis tinja ayam yang dilonggokkan di kebun pisang berkenaan.

"Kebun pisang itu terletak kira-kira 10 meter dari kawasan perumahan dan Sekolah Kebangsaan Taman Bunga Raya 2 dan ia boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk," katanya.

MPHS berkata hasil pertemuan dengan pengusaha kebun, dimaklumkan bahawa baja itu digunakan untuk tanaman 600 pokok pisang di kawasan kebun seluas empat ekar.

LUAS siasat punca air merah

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesan cecair berwarna merah dalam longkang berhadapan sebuah premis di Jalan Sungai Pinang, Klang pada 29 Jun.

EXCO alam sekitar berkata cecair itu kemudian mengalir ke kolam tadahan Jabatan Pengairan dan Saliran seterusnya Sungai Chandong sejauh 1.3 kilometer daripada lokasi pencemaran bermula.

"Hasil penelitian LUAS, insiden ini disebabkan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang membuang bahan buangan ke dalam longkang berikutan tiada penemuan punca aliran berwarna merah ini.

"Pihak LUAS telah menjalankan pensampelan untuk dianalisis di makmal bagi mengenal pasti kualiti dan kandungan pencemaran tersebut," kata Hee Loy Sian pada 30 Jun.

Terdahulu, LUAS menerima maklumat orang awam berhubung perubahan Sungai Chandong yang bertukar merah, namun kembali normal selepas air pasang.

Jelasnya, pemantauan rapi terus dibuat bagi memastikan sumber air negeri ini terpelihara selain bekerjasama dengan penduduk untuk mengenal pasti pesalahnya.

"Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan pihak melakukan jenayah pencemaran sumber air dan tindakan tegas diambil selaras peruntukan Enakmen LUAS 1999," katanya.

Petaling Jaya catat kes tinggi

Langkah tambahan cegah denggi

Oleh **SHEEDA FATHIL**



SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meningkatkan tindakan pencegahan susulan pertambahan kes demam denggi di kawasan pentadbirannya pada 12 hingga 18 Jun lalu.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir berkata kes jangkitan virus itu meningkat kepada 100 kes berbanding 85 pada minggu sebelumnya.

Menurutnya, sebanyak 1,874 kes direkodkan di kawasan pentadbiran MBPJ membabitkan 21 lokaliti wabak terkawal diikuti 14 berstatus tidak terkawal dan lima titik panas setakat ini.

"Susulan peningkatan kes ini, MBPJ telah melakukan kawalan dan pencegahan dengan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di 12,391 premis dan menganjurkan pelbagai program kesedaran," katanya pada 29 Jun.

Jelas Mohamad Azhan, MBPJ turut mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan sebanyak 133 kompaun, 16 notis dan menutup dua tapak binaan.

Pada 15 Jun lalu, EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud memaklumkan Kerajaan Negeri melaksanakan projek rintis dengan memanfaatkan teknologi baharu bagi pemantauan lokasi denggi lebih cekap.

Projek RM5 juta itu membabitkan penggunaan dron dan pembangunan aplikasi pengesanan titik panas wabak yang boleh diakses orang awam.

PKNS kembang operasi 41,000 peniaga

SHAH ALAM - Lebih 41,000 usahawan mengembangkan perniagaan menerusi pelbagai program anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sejak 27 tahun lalu.

Ketua Pengarah Eksekutifnya Dato' Mahmud Abbas berkata jumlah itu hasil kejayaan inisiatif memberdayakan peniaga negeri ini supaya golongan itu dapat meningkatkan pendapatan.

Jelas beliau antara peniaga mendapat manfaat adalah pengusaha perniagaan tepung pelita yang mendapat sambutan hangat dan membantu meningkatkan pendapatannya.

Justeru, Mahmud berharap Ekspo Usahawan Selangor 2022 (SELBIZ2022) dirancang pada September depan membantu lebih ramai usahawan kecil mengembangkan perniagaan.

"Program ini juga memberi peluang kepada usahawan baharu dan peniaga kecil mempromosikan produk selain memperluaskan prospek pasaran ke pelbagai sektor.

"Inisiatif juga bertujuan menyemai semangat keusahawanan dalam kalangan belia dan menggalakkan kehadiran pelajar sekolah menengah, universiti serta bakal usahawan," katanya pada 28 Jun.

SELBIZ2022 yang dirancang pada 3 dan 4 September ini menyasarkan untuk membantu peniaga kecil mengembangkan jualan dengan sasaran transaksi urus niaga sehingga RM5 juta.

62 notis ubah suai tanpa kebenaran

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengeluarkan 62 notis terhadap pemilik unit yang mengubah suai dan membina struktur tambahan tanpa kebenaran di Pangsapuri PKNS AU3, Ampang.

Pegawai perhubungan awamnya memaklumkan Notis 72(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) dikeluarkan hasil pemantauan dan penguatkuasaan susulan tindakan meroboh binaan tambahan di sebuah unit rumah di kawasan sama pada 25 Mei lalu.

Norhayati Ahmad menjelaskan ubah suai dan tambahan struktur terbabit melanggar syarat hak milik bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) serta syarat tanah hak negeri.

"Antara kesalahan dikenal pasti adalah penambahan struktur dinding kekal, sengkuap, pagar dan beranda di atas tanah kerajaan," katanya pada 28 Jun.

Beliau berkata kesemua unit berkenaan perlu membuka struktur tambahan dalam masa ditetapkan atau bakal berdepan tindakan lanjut.

"Menjadi satu kesalahan untuk mengubah suai struktur sedia ada atau menambah binaan di tepi serta belakang kediaman berstrata seperti flat, pangsapuri dan kondominium," katanya.

SIHAT... **Seramai 2,000 peserta menyertai Ampang Jaya Night Run 2022 anjuran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 2 Julai. Aktiviti bermula di hadapan Melawati Mall bertujuan memberi kesedaran mengenai gaya hidup sihat kepada masyarakat. Foto MPAJ**

Pemulihan sektor ekonomi lancar

MBPJ raih hasil RM175 juta

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengutip hasil RM175.8 juta setakat Januari hingga Mei sekali gus menggambarkan sektor ekonomi di kawasan pentadbirannya berkembang selepas Covid-19.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir berkata prestasi itu menunjukkan peningkatan berbanding jumlah pada Januari hingga Mei tahun lalu iaitu RM166.6 juta.

"Peningkatan kutipan hasil ini memberikan gambaran awal bahawa sektor ekonomi di Petaling Jaya sedang berkembang selepas tempoh pandemik Covid-19," katanya pada 29 Jun.

Beliau menjelaskan MBPJ menyediakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kutipan antaranya menggalakkan pembayaran dalam talian dan membuka kaunter bergerak.

Mohamad Azhan berkata pihaknya turut melaksanakan operasi bersepadu secara berjadual dan sentiasa mengeluarkan notis peringatan mesra bayaran dengan kerjasama pelbagai jabatan.

"Secara keseluruhannya, prestasi kewangan MBPJ masih mencatatkan lebihan kewangan sebanyak RM50.476 juta berbanding cadangan bajet defisit sebanyak RM 21.986 juta.

"Jumlah ini diambil kira selepas kutipan hasil sebanyak RM175.8 juta ditolak dengan jumlah perbelanjaan mengurus (RM106.65 juta) dan perbelanjaan pembangunan (RM18.67 juta)," katanya.

RM36,800 pasang dua sistem solar

GOMBAK - Penduduk Pangsapuri Bidara di sini kini menikmati kemudahan lampu pada waktu malam susulan pemasangan sistem solar ditaja Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata sebanyak RM36,800 diperuntuk bagi pemasangan dua unit sistem solar di perumahan berkenaan.

"Ini projek pertama (MBI) yang melibatkan lampu solar demi keselamatan penduduk yang bergelap pada waktu malam selain isu sosial.

"Dengan adanya kemudahan ini, masalah tersebut dapat diatasi. Walaupun nampak sedikit tapi kesannya sangat memberangsangkan," katanya pada 2 Julai.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perasmian sistem lampu solar Pangsapuri Bidara bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Lanjan Elizabeth Wong.

Menurut Ahmad Azri, pihaknya bersedia meneliti permohonan penduduk yang mahu kemudahan sama dipasang di kawasan pangsapuri kos rendah dan taman permainan.

Elizabeth pula berterima kasih kepada MBI yang meluluskan permohonan bagi kemudahan dipasang di dua blok pangsapuri tersebut.

"Projek ini sangat bermakna kepada penduduk kerana mereka sudah lama bergelap pada waktu malam. Saya meminta peruntukan dana daripada MBI dan akhirnya diluluskan.

"Kemudahan ini juga mengurangkan kos elektrik bagi pemasangan lampu di pangsapuri ini," katanya sambil menambah lampu solar itu siap dipasang pada Mac lalu.

MPKj bantu lupus kenderaan lama

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menawarkan perkhidmatan untuk melupus kenderaan lama dan usang kepada orang ramai.

Bagi membolehkan mereka berbuat demikian, pemilik perlu membatalkan hak milik kenderaan terbabit di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan Jabatan Penguatkuasaan boleh dihubungi di talian 03 8737 7899 sambungan 2008, 2002 dan 2016 untuk maklumat lanjut.

Stadium MPS tutup hingga 7 Disember

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menutup sementara Stadium MPS di Bandar Baru Selayang, Gombak mulai 1 Julai hingga 7 Disember bagi kerja naik taraf lampu di pusat itu.

"Penutupan sementara Stadium MPS adalah untuk memberi laluan kepada kerja-kerja menaik taraf lampu limpah stadium," katanya pada 30 Jun.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Bahagian Kemudahan Awam di talian 03-6120 1153.

Pusat siber tanpa lesen diserbu

SHAH ALAM - Tiga pusat siber dikenakan notis tawaran kompaun oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MSBJ) kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen pada 27 Jun lalu.

Peralatan seperti komputer riba, monitor, modem dan kamera litar tertutup (CCTV) di premis terletak di Taman Sungai Besi Indah, Seri Kembangan turut disita.

Pihak berkuasa tempatan itu berkata operasi dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang turut menahan seorang individu.

"Pemantauan berkala akan terus dijalankan dan tindakan tegas terhadap pihak melanggar peraturan," katanya pada 29 Jun.

Air Selangor

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000011693	THE PROVISION OF DOCUMENT STORAGE MANAGEMENT SERVICES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (2022 – 2027)

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di **https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists** atau menyertai saluran Telegram kami di **https://t.me/tenderairselangor** untuk mendapatkanpemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/ Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor.** Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: **https://www.airselangor.com/vendor** dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma.**

Tiada perubahan SOP solat Aidiladha

KLANG - Tatacara operasi piawai (SOP) solat sunat Aidiladha di masjid dan surau sama seperti pelaksanaan solat Jumaat dan lima waktu, kata EXCO hal ehwal agama Islam.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata keputusan itu mengambil kira situasi fasa peralihan endemik dan kes Covid-19 yang semakin berkurang.

"SOP bagi solat sunat Aidiladha adalah sama seperti solat Jumaat dan solat lima waktu, tiada sebarang penambahan. Jika ada perubahan, kita akan maklumkan dari semasa ke semasa.

"Namun, jemaah masih perlu menjaga diri dan dinasihatkan kekal memakai pelitup muka dan membawa sejadah sendiri."

42 DUN terima dana RM3,000

GOMBAK - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) di 42 Dewan Undangan Negeri (DUN) menerima peruntukan RM3,000 bagi menganjurkan aktiviti.

Yang Dipertuanya Datin Seri Masdiana Muhamad berkata pemberian itu bagi menghargai setiap ahli yang bertungkus-lumus menjayakan pelbagai aktiviti.

"Mereka bebas melakukan apa sahaja aktiviti ingin mereka buat. Di Sungai Tua contohnya, saya bercadang mengadakan gotong-royong di rumah warga emas dan jika rumah itu kekurangan barangan, kita salur.

"Jika berjaya kita akan buat di semua DUN. Begitu juga aktiviti di kawasan tertentu membawa impak maka kita anjur pula di setiap DUN selepas ini," katanya pada 28 Jun.

Garis panduan kos urus jenazah

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sedang menyediakan garis panduan untuk menyeragamkan kadar pengurusan jenazah di negeri ini.

EXCO hal ehwal agama Islam berkata langkah itu dibuat susulan maklumat diterima mengenai perbezaan kadar mengikut masjid, surau serta pengendali urusan berkenaan, lapor portal Sinar Harian.

Jelas Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata agensi itu tidak pernah menetapkan sebarang kos pengurusan jenazah di masjid atau badan bukan kerajaan (NGO).

"Namun, terdapat biro khairat di bawah seliaan masjid atau surau menetapkan kadar pengurusan jenazah berbeza antara institusi-institusi berkenaan.

"Terdapat juga masjid dan surau meletakkan yuran khairat kematian tinggi atau menggunakan khidmat syarikat insurans bagi menguruskan jenazah jika berlaku kematian," katanya pada 4 Julai.

Beliau berkata walaupun Jais tidak menerima sebarang aduan berkenaan kos mahal untuk menguruskan jenazah, namun perkara tersebut menyukarkan pihak berkenaan memantau penetapan kadar yang berbeza.

Agihan dilakukan pejabat agama Islam daerah

425 lembu korban untuk surau, masjid

oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyumbang 425 lembu korban untuk masjid, surau Jumaat dan surau kariah yang mencatat kutipan rendah sempena sambutan Aidiladha.

EXCO Hal Ehwal Agama Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata sebanyak 332 masjid, 31 surau jumaat dan 62 surau kariah bakal menerima daging untuk diagih kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kerajaan Negeri melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bersetuju menyumbang 425 ekor lembu. Agihan dilakukan pejabat agama Islam daerah setelah perbincangan bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Kita mahu agihan diberi kepada mereka yang benar-benar layak atau penduduk berpendapatan rendah," katanya selepas Seminar Pemantapan Sembelihan Halal Qurban di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di sini pada 4 Julai.

Mohd Zawawi yang juga wakil rakyat Sungai Kandis juga memaklumkan pihaknya mengagih 20 kambing dan empat lembu untuk penduduk kawasan berkenaan.

"Agihan akan dibuat dalam masa terdekat dan diberi kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, surau-surau terpilih yang jemaahnya tidak ramai," katanya.

Sementara itu, penyembelihan korban bakal dilaksanakan mengikut tatacara operasi piawai seperti sebelum pandemik Covid-19.

Mohd Zawawi berkata individu yang kurang sihat atau bergejala dilarang hadir ke lokasi ibadah korban.

"Namun, saya ingin mengingatkan mereka yang tidak sihat, sakit atau ada gejala supaya tidak hadir ke lokasi korban."

KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	**JPS/N/SEL/PT/02/2022** **PROJEK MENAIKTARAF BENTENG DI SUNGAI LEMAN, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN (FASA 1)**	Terbuka	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **Gred : G5** **Kategori : CE** **Pengkhususan: CE21 & CE36** Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender. selangor. my/. Firma dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. **18HB JULAI 2022** hingga **08HB OGOS 2022**	**RM 320.00**	Peti Tender. Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor **08HB OGOS 2022 (ISNIN)** **Jam 12.00 tengahari**

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, BPKU, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Pada : **14 Julai 2022 (KHAMIS)** Masa : **10.00 pagi**.
Tempat Berkumpul PKPK Sekinchan, IADA Barat Laut Selangor, Jalan Tali Air 6, 45400 Sekinchan, Selangor Darul Ehsan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan pada waktu 9.00 pagi hingga 3.00 petang sahaja. Sila patuhi SOP yang telah ditetapkan semasa proses pembelian dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SIJIL ASAL **PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB), SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK)**, SERTA **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (UPENS)** dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Mais agih fidyah RM42,100

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengagihkan fidyah berjumlah RM42,100 kepada 421 keluarga di Kuala Selangor, Petaling Jaya dan Hulu Langat pada 30 Jun.

Agensi itu memaklumkan sumbangan berbentuk set makanan kering seperti beras, minyak masak, gula, tepung dan susu berjumlah RM100 kepada setiap keluarga.

Jelasnya, 205 keluarga di Kuala Selangor mendapat bantuan itu manakala 111 keluarga di Petaling Jaya dan 105 keluarga di Hulu Langat.

"Agihan disalurkan menerusi rakan strategik antaranya Muslim Care Global (MCG), Persatuan Halaqah al-Quran Selangor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun Kuala Selangor," katanya pada 1 Julai.

Daftar ibu, anak susuan

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) meminta ibu susuan mendaftar nama mereka dan anak susuan bagi mengelak kekeliruan nasab.

Pihak berkuasa agama itu memaklumkan pendaftaran kad MyRadha'ah boleh dibuat di jabatan berkenaan untuk disimpan ibu dan anak susuan.

"Kad itu mengandungi maklumat ibu dan anak susuan seperti nama, nombor kad pengenalan atau MyKid serta nombor rekod pendaftaran," katanya pada 29 Jun.

Permohonan kad itu perlu dikemukakan ibu susuan atau anak susuan berusia bawah dua tahun sempurna lima kali penyusuan mengenyangkan.

Borang permohonan boleh diperoleh di www.jais.gov.my dan sebarang pertanyaan boleh hubungi 03-5514 3458/3464.

LINCAH... **Pemain Malaysia Nur Syafiqah Zainal Abidin (tengah) melepaskan rembatan ke gawang Indonesia dalam aksi kedua kumpulan A Kejuaraan Wanita Persekutuan Bola Sepak Asean (AFF) 2022 di Filipina yang berkesudahan seri 1-1 pada 6 Julai. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia**

Bangkit segera, perbaiki kedudukan liga

Perlu menang lawan Penang FC

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Hanya mengutip satu mata daripada tiga perlawanan Liga Super, Selangor FC perlu bangkit dalam aksi seterusnya menentang Penang FC di Stadium MBPJ pada 16 Julai.

Kemenangan itu penting buat Red Giants jika ingin memperbaiki kedudukan di tangga ketujuh liga dengan mengumpul 12 mata selepas sembilan perlawanan.

Anak didik Michael Feichtenbeiner sebenarnya bermula baik selepas aksi Liga Super disambung semula pada 19 Jun dengan membenam Sarawak United 7-0 di gelanggang sendiri.

Ketua pasukan Brendan Gan yang membuat penampilan pertama selepas lama berehat susulan penyakit barah dialaminya turut mencatat nama sebagai penjaring dengan satu gol pada perlawanan itu.

Bagaimanapun semua perancangan Selangor FC tidak menjadi selepas itu, bermula tewas 1-5 kepada juara bertahan, Johor Darul Ta'zim di Stadium Sultan Ibrahim pada 24 Jun diikuti seri 1-1 menentang Sabah FC di gelanggang sendiri.

Hasrat pasukan itu kembali bangkit dalam pertemuan dengan Melaka United pada 6 Julai terbantut apabila tewas, 0-2 pada perlawanan di Stadium Hang Jebat, Melaka.

Dua gol pasukan lawan itu disumbangkan bekas penyerang import Selangor FC, Ifedayo Olusegun pada minit 39 dan 57.

Bintang Gombak FC lapan terbaik Asean

SHAH ALAM - Pengurus pasukan Bintang Gombak FC bawah 17 tahun berpuas hati berikutan layak ke suku akhir Piala Antarabangsa Garuda di Indonesia baru-baru ini, kejohanan pertamanya di luar negara.

Menurut Jamil Azaman, kejayaan menjadi lapan pasukan terbaik dalam pertandingan pada 30 Jun hingga 3 Julai membuktikan kemampuan pemainnya yang terdiri daripada pelajar sekitar Gombak mempamerkan aksi cemerlang pada peringkat antarabangsa.

"Bintang Gombak akan merangka semula pelan pembangunan yang lebih tersusun dan memastikan semua pemain sedia ada mempunyai peluang ke peringkat lebih tinggi selaku pemain professional.

"Untuk masa akan datang, kami akan melihat jemputan kejohanan lain di Asia Tenggara bagi menjadikan Bintang Gombak di antara pasukan yang terkenal di peringkat antarabangsa," katanya pada 5 Julai.

Pada kejohanan berlangsung di Bogor, Jakarta itu, anak didik Shahffuwan Hafizi Abdul Jalil mencatat keputusan masing-masing satu menang, seri dan kalah dalam aksi kumpulan C yang melayakkan mereka ke peringkat suku akhir.

Menentang Sulut United FC yang berasal dari Sulawesi pada perlawanan sulung, Bintang Gombak mengikatnya dengan keputusan 0-0 sebelum mencatat kemenangan 1-0 ke atas Sekolah Sukan Melaka.

Bagaimanapun, nasib tidak menyebelahi Bintang Gombak pada perlawanan terakhir kumpulan apabila tewas 0-5 menentang pasukan Indonesia bawah 17 tahun.

Dalam aksi suku akhir, mereka memberi tentangan sengit kepada pasukan tuan rumah, Asiop Merah sebelum tewas 1-2.

Sabah FC menanti di suku akhir

SHAH ALAM - Selangor FC bakal berdepan Sabah FC pada suku akhir Piala FA jika menewaskan Kuala Lumpur City FC pada 8 Julai ini.

Anak didik Michael Feichtenbeiner akan berdepan seteru tradisinya di Lembah Klang itu pada perlawanan pusingan kedua di Stadium MBPJ, Petaling Jaya.

Jika menang, juara lima kali piala FA itu bakal berkunjung ke gelangang Sabah FC di Stadium Likas, Kota Kinabalu.

Pada pusingan pertama pada 11 Mac, Selangor FC membelasah Harini FC, 6-0 untuk layak ke pusingan seterusnya manakala Sabah FC pula menewaskan Kelantan United 2-1 dan Respect FC (2-0).

Yakin Tze Yong menyinar

KUALA LUMPUR - Legenda badminton negara Datuk Lee Chong Wei berharap penyerahan raket miliknya kepada pemain sedang meningkat, Ng Tze Yong membawa 'ong' (tuah) kepada pemain muda itu.

Chong Wei, 39, yang bersara pada Jun 2019 selepas menghidapi barah hidung, berkata ia boleh memberi inspirasi kepada Tze Yong, kedudukan ke-48 dunia untuk meneruskan legasinya.

Pemenang tiga kali pingat perak Sukan Olimpik turut berharap pemain itu mampu mengatasi tekanan apabila bakal beraksi di Sukan Komanwel Birmingham 2022 selaku perseorangan lelaki utama negara.

"Tekanan memang ada, tetapi penting bagaimana beliau mengawal tekanan, saya rasa dia tahu kerana beliau kini pemain perseorangan pertama untuk Persatuan Badminton Malaysia (BAM). Bukan senang untuknya, Saya harap dia dapat menangani tekanan ini dan berjaya satu hari nanti," katanya di Axiata Arena pada 2 Julai. – BERNAMA

MOM pilih Aifa bawa Jalur Gemilang

KUALA LUMPUR - Pemain skuasy wanita negara Aifa Azman dipilih sebagai pembawa Jalur Gemilang kontinjen Malaysia di Sukan Komanwel Birmingham 2022 menggantikan S Sivasangari yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 26 Jun.

Pemain berusia 20 tahun itu akan menggalas tanggungjawab bersama jaguh powerlifting Bonnie Bunyau Gustin pada temasya bermula 28 Julai hingga 8 Ogos ini.

Majlis Olimpik Malaysia dalam kenyataan memaklumkan keputusan itu dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan Tan Sri Mohamad Norza Zakaria pada 29 Jun. – BERNAMA

DATO' TENG CHANG KHIM
Bandar Baru Klang

memeriahkan Pesta Teochew di Paramount Property Gallery @ Berkeley Uptown, Klang

AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

menyerahkan kanopi kepada guru besar Sekolah Kebangsaan Pandamaran Jaya, Klang

MOHD SANY HAMZAN
Taman Templer

menampal jalan berlubang di sekitar Apartment Julia, Gombak

ROZANA ZAINAL ABIDIN
Permatang

merasmikan pertandingan bola keranjang peringkat daerah Kuala Selangor

EAN YONG HIAN WAH
Seri Kembangan

memberi kit penjagaan diri kepada penduduk Seri Kembangan di pusat khidmat beliau

GUNARAJ GEORGE
Sentosa

melihat saliran yang dibimbangi tersumbat di Tasik Bandar Botanik, Klang

LEE KEE HIONG
Kuala Kubu Baharu

meninjau pembersihan longkang Kampung Jawa Kerling, Hulu Selangor

ELIZABETH WONG
Bukit Lanjan

melancarkan pemasangan sistem solar di Pangsapuri Taman Bidara, Gombak

150 penjaja terima tong gas



SHAH ALAM - Seramai 150 penjaja di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga menerima tong gas dan barangan keperluan asas pada 1 Julai.

Wakil rakyatnya Rodziah Ismail berkata sumbangan berkenaan inisiatif pihaknya bersama AC Gas Malaysia bagi meringankan beban peniaga yang terjejas.

Beliau berkata pihaknya membelanjakan RM25,000 bagi sumbangan tong gas, beras dan minyak masak manakala AC Gas Malaysia menghulurkan RM2,400 untuk membeli tepung, gula dan susu.

"Pemberian ini juga bagi mengurangkan dampak inflasi khususnya inflasi makanan yang naik kepada 5.2 peratus pada Mei lalu berbanding Mei 2021.

"Selain mengurangkan risiko penjaja berhutang dengan ah long untuk terus menjalankan perniagaan serta mengelak peniaga dari gulung tikar dan hilang mata pencarian keluarga," katanya.

Rodziah yang juga EXCO pembangunan usahawan berkata program sama diteruskan bagi memastikan lebih ramai penjaja yang terjejas dapat dibantu.

Atasi banjir kilat

Hampir RM7 juta naik taraf saliran

Oleh **SHEEDA FATHIL**



PETALING JAYA - Sejumlah RM6.44 juta diperuntuk Kerajaan Negeri bagi menaik taraf sistem saliran dan kolam takungan di hulu sungai kawasan Sungai Kayu Ara di sini.

Kerja-kerja merangkumi pembinaan kolam takungan seluas satu hektar bertentangan Pangsapuri Lily dan Rose serta pembaikan tebing sepanjang satu kilometer di jajaran sungai itu.

Menurut Ahli Dewan Negeri Bandar Utama Jamaliah Jamaluddin, projek bagi mengatasi banjir kilat itu dimulakan sejak 6 April dan dijangka siap sepenuhnya pada 6 Oktober 2023.

"Naik taraf ini bertujuan menangani banjir kilat dengan kedalaman hampir lima kaki yang kerap berlaku sehingga menjejaskan kawasan sekitar terutama penduduk Kampung Cempaka.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran kerana meluluskan projek untuk menyelesaikan isu yang berpuluh tahun membelenggu penduduk," katanya pada 29 Jun.

Jamaliah menjangka naik taraf itu dapat mengawal kelajuan aliran air ke hilir sungai dan mengelakkan runtuhan tebing.

"Punca runtuhan disebabkan keadaan hidraulik di lokasi sehingga berlaku hakisan tebing dan mendapan dasar sungai akibat hujan lebat," katanya lagi.

20 kambing, 4 lembu korban Aidiladha

SHAH ALAM - Sebanyak 20 ekor kambing akan diagih kepada surau dan masjid terpilih sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Sepat sempena Hari Raya Aidiladha.

Wakil rakyatnya Borhan Aman Shah berkata empat ekor lembu turut diagih dalam masa terdekat untuk ibadah korban tahun ini hasil sumbangan Kerajaan Selangor.

"Jumlah ini atas kapasiti saya sebagai EXCO dan wakil rakyat kawasan, manakala Ahli Dewan Negeri lain difahamkan menerima dua ekor lembu serta 10 ekor kambing.

"Terpulang kepada wakil rakyat mahu beri kepada siapa, tetapi kita akan buat agihan untuk masjid dan surau yang belum menerima bantuan tersebut tahun lepas," katanya pada 30 Jun. Pada 19 Jun lalu, Dato' Menteri Besar berkata Kerajaan Selangor menerima sumbangan sebanyak 660 ekor lembu dan 1,000 ekor kambing bernilai RM5.05 juta untuk ibadah korban tahun ini.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan sumbangan itu diperoleh daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan pelbagai agensi lain.

AHLI DEWAN NEGERI SUNGAI RAMAL

MAZWAN JOHAR

- **Umur:** 54 tahun
- **Falsafah hidup** Menabur jasa sepanjang usia
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Peguam
- **Alamat pejabat ADN:** No. 28-A, Jalan Medan Pusat 2C, Persiaran Bangi, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi
- **Nombor telefon ADN:** 03-8928 9738 / 011-5687 5648
- **Facebook:** Mazwan Johar
- **E-mel:** adnsgramal@gmail.com

46 haiwan korban untuk dua DUN

KLANG - Sebanyak 46 ekor haiwan korban diagih di dua Dewan Undangan Negeri (DUN) di Klang sempena Aidiladha ini.

DUN Bandar Baru Klang menerima empat lembu dan 30 kambing manakala dua lembu dan 10 kambing lagi untuk DUN Selat Klang.

Wakil rakyatnya Dato' Teng Chang Khim berkata empat surau kawasannya masing-masing menerima seekor lembu manakala 10 surau masing-masing tiga kambing.

"Bagi DUN Selat Klang, dua surau menerima masing-masing seekor lembu dan lima surau lagi masing-masing menerima dua kambing," katanya pada 1 Julai.

"Sumbangan ini dari anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang sudah menjadi tradisi lebih 10 tahun setiap kali menjelang Aidiladha."

Chang Khim berkata agihan haiwan berbeza di dua kawasan itu kerana DUN Bandar Baru Klang adalah kawasan EXCO.

Bawa isu prasarana di DNS

GOMBAK - Isu prasarana yang perlu dibaik pulih terutama di sekitar kawasan perumahan akan dibawa wakil rakyat Rawang dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada hujung bulan ini.

Chua Wei Kiat berkata usaha naik taraf prasarana perlu dilaksanakan seiring pembangunan serta pertambahan kawasan perumahan demi keselesaan rakyat.

"Apabila banyak perumahan, jadi tumpuan utama ialah keselesaan kepada penduduk daripada seluruh aspek. Selain itu, saya juga akan bawa isu berkaitan pencemaran kerana Rawang banyak kawasan perindustrian.

"Bidang kuasa pencemaran banyak melibatkan kerajaan pusat, jadi kita bawa isu ini dalam DNS yang menjadi platform mengemukakan isu ini," katanya pada 1 Julai.

Bawa tonton filem Mat Kilau percuma

GOMBAK - Seramai 110 penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali dibawa menonton filem Mat Kilau secara percuma sambil memakai busana Melayu di pawagam TGV Aeon Rawang di sini, pada 27 Jun.

Pegawai Penyelaras DUN Saifuddin Shafi Muhammad berkata lebih RM2,000 diperuntuk pusat khidmat rakyatnya bagi pembelian tiket selain enam penonton yang memakai busana terbaik turut menerima hadiah wang tunai.

"Promosi filem ini terlalu hebat dan kita nak orang Batang Kali rasainya sendiri. Melalui filem ini kita mahu orang kita kenal akar budaya, kenal susur galur supaya tidak lupakan," katanya.

Sultan: Tunjuk teladan baik 2

Jangka raih RM3 bilion jumlah pelaburan 2

11 inisiatif baharu, RM67 juta tingkat kesihatan 3

Makanan berkhasiat atasi masalah bantut 5

Bantuan sekolah tingkat kualiti prasarana 6

selangorkini

Filem Mat Kilau kutip RM51.8 juta

KUALA LUMPUR - Filem 'Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan' yang mencetuskan fenomena luar biasa meraih kutipan RM51.8 juta setakat 5 Julai ditayang di negara ini, Singapura dan Brunei

Perkembangan itu disahkan penerbit Studio Kembara Sdn Bhd, Abdul Rahman Mt Dali, yang menzahirkan penghargaan kepada semua pihak, lapor Berita Harian.

"Saya nak ambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada penonton yang memberi sokongan menonton filem yang mengetengahkan pahlawan terbilang, Allahyarham Mat Kilau Imam Rasu ini.

"Paling mengujakan, pelbagai lapisan masyarakat datang menonton. Ini termasuklah makcik dan pakcik, ada antaranya bertongkat serta berkerusi roda," katanya pada 6 Julai.

UPM hasil lapan produk makanan

SHAH ALAM - Seramai 63 penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan lapan produk makanan sempena Hari Pengenalan Produk Baharu 2022 pada 29 Jun.

Produk makanan itu adalah marjerin bawang cili putih, Lado La Tien, kentang goreng jagung, isi jagung MaizeMerize, teh kiub tembikai wangi, serbuk cutni tembikai wangi, teh sos tembikai dan jus tembikai dengan susu soya.

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM) berkata inovasi pelajar tahun tiga ijazah sarjana Sains dan Teknologi fakulti itu selari usaha mengurangkan kekurangan sumber makanan.

"Pembangunan produk baharu adalah proses menukar idea yang baru kepada produk menarik dan memuaskan hati pengguna di pasaran," kata Prof Madya Dr Anis Shobirin Meor Hussin.

LEGENDA... Bekas jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei (kanan) bersama Peter Gade, Taufik Hidayat dan Lee Yong-Dae ketika aksi The Legend's Vision sempena Kejohanan Petronas Terbuka Malaysia 2022 di Axiata Arena Kuala Lumpur pada 2 Julai. Foto BERNAMA

Perbincangan masih berjalan

Status stadium diumum bulan ini

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri akan mengumumkan rancangan pembangunan Stadium Shah Alam pada 16 Julai depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata perbincangan mengenai perancangan dan tindakan hendak diambil termasuk meroboh kompleks berkenaan masih berjalan.

"Buat masa ini tidak elok jika saya huraikan keseluruhan kerana ia melibatkan perbincangan banyak pihak yang semuanya terbabit dalam pengurusan bola," katanya pada 2 Julai.

Amirudin berkata satu perancangan teliti perlu diperkenal memandangkan penyelenggaraan stadium berkenaan menelan perbelanjaan tinggi sehingga RM5 juta setiap tahun.

"Sudah tiba masa pelan jangka panjang diputuskan bagi mengambil kira soal keselamatan stadium.

"Cadangan merobohkan adalah salah satu pilihan kerana kita terpaksa menjalankan kerja penyelenggaraan Stadium Shah Alam pada setiap tahun," katanya.

Stadium Shah Alam yang siap dibina pada 1994 mempunyai kapasiti 80,000 penonton dan pernah dinobat sebagai kompleks sukan terbesar di Asia Tenggara.

Kompleks itu yang dirasmikan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj turut menjadi gelanggang rasmi pasukan bola sepak Red Giants.

pancawarna

Ingat Allah, bantu umat dalam kesusahan

Perutusan Dato' Menteri Besar sempena Aidiladha 1443

11

Teruja naik haji walau tidak tahu mengaji

Pelawak dan pengacara Nabil ditawar pakej mewah untuk ke Makkah

9

Tiada nas doa jodoh Jabal Rahmah

Mufti selar pentaasub di lokasi Adam, Hawa bertemu

10



Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor